

Jilid II
Bil. 21



Hari Selasa
6hb Januari, 1981

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2537]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) (Pindaan) [Ruangan 2573]

Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) [Ruangan 2579]

Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) [Ruangan 2593]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).

„ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).

„ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis)

TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N, J.P. (Dilantik).

DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik),

TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).

DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).

TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).

„ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

DATO HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

- Yang Berhormat PuAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- TUAN Loo SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).

TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).

TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., PIS.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N, P.J.K. (Dilantik).

TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N, P. J.K. (Dilantik).

PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).

TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik),

DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.LJ., J.M.N
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGPU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).

TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd, Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 6hb Januari, 1981

Mesyuarat dimulakan padapukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KECURIAN KUASA LETRIK

1. Tuan Alexander Lee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyak tenaga elektrik yang disalurkan secara haram dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Letrik Negara untuk mencegah kecurian tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator suka saya memaklumkan bahawa di antara tahun 1976 hingga tahun 1980 sebanyak 155 kes kecurian kuasa elektrik telah berlaku yang melibatkan lebih kurang 2.4 juta unit elektrik bernilai \$2.7 juta.

Bagi mencegah kejadian kecurian elektrik, langkah-langkah seperti berikut telah pun diambil:

- (i) Menambahkan denda maksima daripada \$5,000 kepada \$100,000 kepada mereka yang disabitkan di Mahkamah kerana kecurian elektrik;
- (ii) Pemeriksaan-pemeriksaan mengejut di samping pemeriksaan-pemeriksaan biasa dijalankan oleh Pembaca-pembaca Jangka serta Pemeriksa-pemeriksa Pembaca Jangka;
- (iii) Satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan di Ibu Pejabat LLN untuk

menyelaraskan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut atas sasaran-sasaran tertentu;

- (iv) Pasukan-pasukan Petugas di peringkat kawasan diwujudkan untuk menyelaraskan serbuan-serbuan mengejut di peringkat kawasan;
- (v) Pemetongan bekalan elektrik ke atas pihak-pihak yang didapati bersalah mencuri elektrik.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, \$2.7 juta kerugian dalam negara kita dalam masa setahun adalah amat mengejutkan sekali.

Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kecurian elektrik secara haram ini di tempat mana atau di negeri mana yang banyak di Malaysia ini berlaku, adakah di kawasan Kuala Lumpur ataupun di negeri-negeri lain.

Kedua, adakah dalam jangka pendek di masa hadapan ini dalam tahun 1981 mungkin kita dapat atasi sama sekali pencurian tersebut.

Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya suka membetulkan pendapat Yang Berhormat tadi. Yang sebenarnya \$2.7 juta itu dalam 4 tahun, bukan dalam setahun.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, perkara kecurian ini berlaku di merata-rata tempat tetapi yang berharganya berlaku di sekitar Kuala Lumpur kerana kecurian ini dibuat oleh pengguna-pengguna yang menggunakan dengan secara banyak.

Saya tidaklah dapat memberi jaminan kepada Yang Berhormat untuk menghapuskan sama sekali kejadian-kejadian kecurian

ini dalam masa tahun 1981 ataupun di masa-masa hadapan kerana selagi ada manusia adalah keganasan seperti itu.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Malaysia adalah sebuah negara maju, tidakkah ada di dalam Kementerian ini satu kaedah secara komputer atau secara apa-apa alat sensitif yang boleh mendapat tahu jika berlaku satu-satu kecurian di mana-mana tempat.

Datuk Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tidak ada alat yang boleh menentukan sama ada kecurian berlaku atau tidak, cuma dengan secara mengkaji penggunaan daripada sebulan ke sebulan kalau ada kemerosotan dengan tiada sebab maka itu boleh dianggap sebagai satu kecurian berlaku dan seterusnya penyelidikan yang lebih mendalam dapat diteruskan.

DIDIKAN ROHANI DAN AGAMA KEPADA BELIA

2. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada didikan rohani dan agama termasuk dalam rancangan latihan yang diberikan kepada 'belia dan beliawanis negara dan jika ada nyatakan dalam bentuk apa didikan itu diberi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, didikan rohani dan agama sudah pun menjadi sebahagian daripada kurikulum latihan di pusat-pusat latihan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain daripada ini, oleh kerana kerohanian dan keagamaan merupakan panduan dan pegangan hidup yang penting ceramah-ceramah yang disampaikan kepada belia-belia dan beliawanis juga banyak berpandukan kepada kerohanian dan keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan K. Kumaran.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 3.

PENCEMARAN ALAM AKIBAT DARI ASAP KENDERAAN

3. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengawal pencemaran alam yang kian meningkat disebabkan asap yang dikeluarkan oleh kenderaan di jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal pencemaran alam sekitar oleh kenderaan-kenderaan di jalan raya Kerajaan telah menggubalkan Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 berkuatkuasa mulai daripada 15hb Mac, 1978.

Untuk tujuan menguatkuasakan kaedah-kaedah tersebut Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya telah dibekalkan dengan alat Meter Asap Hartridge dan pada masa ini pemeriksaan pelepasan asap oleh kenderaan-kenderaan perdagangan adalah salah satu item pemeriksaan dalam pemeriksaan biasa (*routine inspection*) yang dijalankan oleh Jabatan tersebut tiap-tiap 6 bulan. Kenderaan-kenderaan yang melepaskan asap melebihi 50 unit asap hartridge tidak akan dilulus dan dlesenkan sehingga kerosakan yang berkenaan diperbaiki. Selain daripada itu mana-mana kenderaan yang dilaporkan mengeluarkan asap yang berlebihan akan dipanggil untuk pemeriksaan khas dan kerosakan diperbaiki sebelum kenderaan dibenarkan berjalan di jalan raya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 5 tahun yang lalu sehingga hari ini berapa banyak kenderaan yang mengeluarkan asap yang telah dapat ditangkap dalam kajian Kementerian tersebut. Yang kedua, adakah di bandar Kuala Lumpur berlebihan didapati kesalahan-kesalahan itu ataupun di mana?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-pertua, saya perlukan notis untuk soalan pertama. Berkenaan dengan soalan kedua, saya minta maaf tidak dapat memberikan maklumat yang tepat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Berkenaan dengan lori-lori saya nampak kebanyakan lori itu dipasang paip asap itu di atas bukan di bawah; kenderaan lain di bawah. Adakah dengan memasang paip asap di atas itu satu cara bagi mengurangkan asap atau satu cara untuk mengawal lalu-lintas sahaja, masalahnya, ialah hendak mengurangkan asap, tetapi lori-lori yang ada sekarang bukan mengurangkan asap cuma paip sahaja dipasang, di atas bukan di bawah, itu sahaja bezanya tentang asap tidak ada beza. Adakah dengan cara ini mengawal asap pada pendapat Kementerian?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pencemaran alam sekitar tidak ada perbezaan.

PASUKAN BOMBA—TARAF PERKHIDMATAN

4. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) rancangan yang sedang dibuat untuk meningkatkan dan meninggikan taraf perkhidmatan Pasukan Bomba di negara ini; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk memperlengkapkan Pasukan Bomba dengan alatan-alatan dan kenderaan yang lebih moden.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, semenjak penyatuan Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba Negeri, Jabatan Bomba telah merancang untuk memperbaiki Perkhidmatan Bomba. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (a) menambah kakitangan;
- (b) menambah dan mengganti kereta-kereta bomba lama;
- (c) mengadakan latihan-latihan di dalam dan luar negeri;
- (d) menambah balai-balai bomba.

Bagi menjawab soalan kedua Yang Amat Berhormat Senator itu saya menerangkan bahawa Jabatan ini senantiasa di dalam proses pembelian kereta-kereta moden. Pemesanan alat-alat jentera ini memakan masa yang lama dan Yang Berhormat tentu pasti bahawa penerimaan jentera-jentera moden ini senantiasa diterima dari masa ke semasa.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Berkenaan dengan bomba ini saya suka bertanya kepada pihak Kementerian nampaknya pihak Kerajaan tidak dapat mengadakan kereta-kereta bomba yang secukupnya di seluruh Malaysia. Pada masa sebelum perang dahulu pihak Kerajaan menganjurkan Balai-balai Polis dan juga Askar Wataniah mencegah dan bersedia menghadapi mana-mana kebakaran. Pada masa dahulu tak ada Askar Wataniah tetapi ada Local Defence Corps (LDC). Jadi LDC itu satu daripada tugasnya ialah bersedia menghadapi kebakaran. Saya ingin bertanya kepada Kementerian, sekarang ini nampaknya berkenaan kebakaran ditugaskan kepada bomba sahaja dan kita tahu kereta bomba tak cukup. Apa yang diadakan oleh Kerajaan bahawa kereta yang moden diberi hanya sebuah pada tiap-tiap negeri, maka apabila berlaku kebakaran sangatlah sedih kita lihat kebakaran itu memakan banyak korban. Adakah Kerajaan bercadang supaya langkah yang baik pada masa sebelum perang dahulu dijalankan semula iaitu di mana-mana Balai Polis, di mana-mana Markas Askar Wataniah ataupun di mana-mana tempat Pusat Rukun Tetangga diadakan latihan bomba sebagai memberi pertolongan kepada pasukan bomba yang diadakan oleh Kerajaan?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kebakaran itu merupakan suatu bencana dan kemalangan dan ianya memerlukan tindakan serta-merta maka sumbangan dari semua pihak sama ada mana-mana pertubuhan ataupun orang perseorangan bagi membantu mengatasi sebarang kebakaran adalah sangat-sangat dihargai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pasukan bomba sendiri sekarang ini sedang merancang penubuhan

pasukan-pasukan bomba sukarela yang barangkali sama dengan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Kementerian sedar buat masa ini kebanyakan kereta bomba di seluruh Malaysia sudah berumur lebih dari 15 tahun. Adakah Kerajaan membiarkan begitu sahaja ataupun bercadang menggantikan dengan yang baru.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar banyak kereta-kereta bomba yang tua yang perlu diganti. Dengan sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah pun banyak kereta baru diperolehi dan kereta lama diganti. Untuk Rancangan Malaysia Keempat peruntukan sebanyak \$20 juta diperuntukan bagi membeli kereta bomba baru untuk menggantikan kereta yang lama.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Soalan tambahan. Jika sekiranya alat-alat bomba yang lebih moden sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi telah siap sedia, dapatkah pihak Kementerian membekalkan pula alat-alat pemadam kebakaran di bangunan-bangunan yang lebih tinggi seperti yang lebih daripada 15 tingkat, sebagaimana kita tahu sekarang kebakaran di bangunan tinggi banyak berlaku. Dapatkah pihak Kementerian menyediakan alat-alat pemadam yang moden itu?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan semua alat-alat moden itu telah siap sedia, saya mengatakan Kerajaan berikhtiar menambah dari semasa ke semasa. Untuk menjawab soal Ahli Yang Berhormat berhubung dengan mengatasi kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi, sukacita saya menyatakan bahawa sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini, satu Jawatankuasa Khas telah dilantik untuk

mengkaji dan meneliti masalah itu dan syor-syornya akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk dilaksanakan kelak.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussein: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu ialah setelah kebakaran berlaku di Bangunan Bank Bumiputra, sedangkan Kuala Lumpur telah menempuh kebakaran Kompleks Campbell tiga tahun dahulu sedangkan kita tahu bangunan yang tinggi dicadangkan sehingga 60 tingkat. Jadi kekuatan kereta bomba hanya setakat bangunan 20 tingkat. Adakah Kementerian Perumahan sendiri membuat cadangan kepada Kerajaan supaya rumah di Kuala Lumpur ini tidak boleh melebihi 15 tingkat. Adakah cadangan demikian akan dikemukakan oleh Kementerian Perumahan sendiri satu perkara yang akan ditimbang oleh Jawatankuasa Khas itu.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

TABONG BANTU PENUNTUT- PENUNTUT MALAYSIA

5. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil yang dicapai akibat seruan yang dibuat oleh beliau supaya sektor swasta melancarkan tabung membantu penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat tiga badan swasta yang telah mengambil daya usaha membantu penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang menghadapi kesempitan kewangan akibat kenaikan yuran pengajian khususnya di United Kingdom iaitu:

- (1) Kuok Foundation, Kuala Lumpur telah mendermakan wang sejumlah \$50,000 bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kerana kenaikan yuran.
- (2) Yayasan Tunku Abdul Rahman akan menubuhkan satu Skim bantuan

pelajaran untuk membantu pelajar-pelajar berkenaan; dan

- (3) Pelancaran Yayasan Anglo Malaysia hasil usaha sama Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz bin Abdul Hamid dengan pihak MPPM (Majlis Persatuan Pelajar Malaysia di United Kingdom dan Eire). Tujuan Yayasan ini ialah untuk memperolehi bantuan wang daripada pihak-pihak swasta, khasnya daripada syarikat-syarikat Perdagangan British yang ada kepentingan di Malaysia bagi membantu pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran itu.

Bagi setakat ini, hasil daripada perkara 2 dan 3 di atas belum dapat ditentukan kerana cadangan-cadangan tersebut adalah dalam peringkat pelancaran sahaja.

HARGA RUMAH

6. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga rumah sekarang ini begitu mendadak dan jika sedar nyatakan sama ada kenaikan harga ini oleh kerana kenaikan harga bahan-bahan binaan atau ada sesuatu sebab yang lain.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir-hampir sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator dalam sidang Dewan ini pada 27-6-1980 dan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pada masa-masa yang lalu. Jawapan-jawapan telahpun diberi kepada pertanyaan-pertanyaan tersebut. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan selepas enam bulan soalan ini dikemukakan, boleh Dewan ini membangkitkan semula oleh sebab angka bulan Jun itu sekarang bulan Januari, lebih daripada 6 bulan. Adakah Yang Berhormat menjawab tidak berpandukan Peraturan Mesyuarat?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang

dijawab itu telah ada tercatat dan ianya boleh disemak, kalau diulangkan pun boleh, tetapi ianya barangkali merugikan masa, tetapi walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat berkehendakkan kepada butir-butir jawapan yang sama, ianya boleh diberi tanpa apa-apa perubahan, sebab jika diberi jawapan sekarang pun tidak ada perbezaannya, dan tidak ada perubahan selepas daripada jawapan itu diberi.

UNIVERSITI TEMPATAN—GALAKAN KERJA PENYELIDIKAN

7. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pelajaran menerangkan sama ada Kerajaan menggalakkan Universiti-universiti di Malaysia membuat kerja-kerja penyelidikan dengan diberikan peruntukan kewangan yang secukupnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah menggalakkan Universiti-universiti tempatan menjalankan kerja-kerja penyelidikan kerana selain daripada dapat meninggikan perkembangan akedemik pensyarah yang berkenaan, penyelidikan-penyelidikan ini juga dapat memberi sumbangan untuk kepentingan dan pembangunan negara kita. Oleh itu universiti-universiti tempatan adalah menggalakkan kakitangan-kakitangan akedemiknya menjalankan penyelidikan-penyelidikan. Untuk menampung kerja-kerja penyelidikan ini Kerajaan memang memberi peruntukan kewangan kepada universiti-universiti tempatan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerja ini memang baik iaini mengerjakan kerja-kerja penyelidikan. Sebagai keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya untuk pengetahuan Dewan ini, khasnya diri saya sendiri, berapa banyakkah kerja-kerja penyelidikan di universiti di negara ini yang telah dibuat dan apa nama penyelidikan yang telah dibuat tersebut.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, butir-butir projek-projek dalam penyelidikan itu ada di sini, oleh kerana ianya terlalu panjang, jadi saya mohon keizinan daripada

Dewan ini untuk menyampaikan butir-butir itu kepada Yang Berhormat di luar Dewan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak Kementerian Pelajaran satu sahaja. Di antara penyelidikan-penyelidikan yang banyak itu, adakah satu penyelidikan berkenaan dengan jantung berlubang sebagaimana yang kita tahu Universiti Hospital adalah satu daripada perkara yang terletak di dalam kajian ini. Jadi acapkali di dalam Dewan ini apakala berbangkit masalah pesakit-pesakit jantung berlubang yang minta derma kerana berubat di luar negeri maka pihak Kementerian menjawab perkara ini sudah ada dibuat penyelidikan dan telah boleh diubati dalam negeri. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pelajaran, adakah penyelidikan berkenaan jantung berlubang di dalam negeri ini telah sungguh-sungguh dibuat kajian dan setakat mana kemajuannya telah didapati. Sekiranya berjaya, adakah pihak yang membuat kajian itu atau khasnya Universiti Hospital telah meminta satu peruntukan yang cukup daripada Kerajaan supaya didirikan projek itu sehingga membolehkan pesakit-pesakit kita tidak payah lagi pergi keluar negeri sebagaimana yang ada pada masa sekarang ini dan boleh dikatakan saban hari kita baca dalam akhbar mengatakan pesakit-pesakit lebih-lebih lagi kanak-kanak yang meminta derma daripada orang ramai kerana hendak pergi berubat di Manila.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya cara-cara

atau penyelidikan di peringkat awal boleh jadi ada dijalankan di dalam negara kita ini, tetapi cara mendalam itu, saya mohon izin dari Dewan oleh kerana ini barangkali kerja-kerja atau reseacr-h-reseacr-h yang mendalam itu adalah berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, jadi saya tentulah meminta notis di atas perkara ini dan kita akan merujuk kepada Kementerian Kesihatan.

Dato' Haji Ahmad bin Ithnin: Soalan tambahan, Yang di-pertua, Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, tadi Yang Berhormat telah menyatakan iaitu masalah penyelidikan ini dia ada mempunyai butir-butir yang agak lengkap, tetapi panjang katanya hendak menjawab. Jadi adakah benar, jika sekiranya benar, adakah kenyataan-kenyataan yang perlu diterangkan dalam Dewan ini, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan di dalam Dewan ini bukan ertinya di luar Dewan, kerana benda-benda ini, saya rasa adalah penting dan mustahak. Jika sekiranya barangkali tidak ada hanya menyatakan sebagai hendak minta notis ertinya kita hendak minta notis. Ini dalam pertimbangan atau terumbang-ambing sahaja. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan keterangan walaupun panjang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Dewan ini berkehendakan atau beliau ada patience dengan saya, saya bolehlah membacakan projek-projek di dalam penyelidikan ini di dalam semua universiti-universiti tempatan:

Universiti

Peruntukan

*Bil,
Projek*

Catatan

Universiti Malaya

(i) *Tabung Penyelidikan Universiti*
1979. \$1,400,000

262

Projek-projek besar ialah:

- (1) STORA udara di Malaysia.
- (2) Undang-undang Kontrak di Malaysia.
- (3) Traditional Medicine di Malaysia.

<i>Universiti</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Bil Projek</i>	<i>Catatan</i>
1980	\$1,400,000	258	Projek-projek besar ialah: (1) Malaysia Cases in Marketing Management. (2) Land sale of the Malays. (3) Monitoring of High Risks pregnancy in particular IUGR and patients with unexplained past prenatal death.
1981	\$1,400,000	Belum ada	
<i>(ii) Institut Pengajian Tinggi</i>			
1979	Tiada	Tiada	
1980	\$ 300,000	2 projek besar	2 projek besar ialah: (1) Environment and Resources Management. (2) Malaysian Language Studies. Di bawah projek besar pertama ada 2 projek kecil iaitu: (1) processing and elusive use of economics industrial material. (2) Data problem in Malaysia. Di bawah projek besar kedua ada 3 projek kecil iaitu: (1) Social, economic and political studies in Peninsular Malaysia. (2) Land classification and land use in Sarawak. (3) Development and Transferred Ownership in Johor.
1981	\$ 300,000		Projek-projek di tahun 1980 adalah projek besar dan bersambung hingga ke tahun 1981.

Universiti Sains Malaysia

1979	\$ 139,200	12	Antara projeknya ialah: (1) Village water supply problem in Kedah. (2) Industrial Tempatan dalam Pembangunan Ekonomi. (3) Use of C-13NMR (Norway, Malaysia, Russia) in Rubber Research.
------	------------	----	--

<i>Universiti</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Bil. Projek</i>	<i>Catatan</i>
1980	\$ 169,970	29	Antara projeknya ialah: (1) Pengalihan Teknologi Komputer ke Malaysia. (2) Satukajianpencemaranudaradi Malaysia terjemahan melalui komputer.
1981	\$ 300,000	Belum ada	—
Universiti Pertanian Malaysia			
1979.	Tiada	Tiada	
1980.	\$1,136,600	128	Antara projek-projeknya ialah: (1) Utilization of unused padi land. (2) Agricultural Marketing Training Needs. (3) Money and inflation. (Ini sangat berguna untuk negara kita sekarang ini).
1981	\$2,154,500	229	Antara projek-projeknya ialah: (1) Structural changes in the employment pattern of rural Malaysia. (2) Economic analysis of investment for the diversification into the manufacture of higher value added wood products.
Universiti Teknologi Malaysia			
1979	(Tiada peruntukan khas)		Pihak Universiti tidak dapat menentukan jumlah sebenar peruntukan bagi tahun 1979 dan 1980, kerana tidak ada peruntukan khas diberi. Perbelanjaan untuk penyelidikan dicampurkan dengan lain-lain perbelanjaan.
1980			
Universiti Kebangsaan Malaysia			
1979.	\$ 370,000	75	Antara projeknya ialah: (1) Penyelidikan tentang dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Sejarah Malaysia. (2) Pola-pola komunikasi, politik dalam sebuah komuniti tani—satu kajian kes di Kg. Parit Bahru, Sabak Bernam.

<i>Universiti</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Projek</i>
1980.	\$ 400,000	44 Antara projeknya ialah: (1) Peranan Bahasa dalam pembentukan konsep di peringkat formal operational (PIAGET). (2) Sensativity bikteria diisolasikan dari pesakit-pesakit di Hospital Besar Kuala Lumpur terhadap CEPHALOSTORNIS.
1981.	\$ 400,000	11 Antara projeknya ialah: (1) Akitecture dan dinamik Tumbes—Beberapa tahun, tempatan, fimaly Rucaceae. (2) Kepentingan Basilus, gram negatif, sifat non-permanentative dalam bidang perubatan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan yang panjang lebar itu, hanya saya ingin bertanya satu dua pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Di atas penerangan yang telah diberi dengan panjang lebar tadi, adakah pihak-pihak universiti puas hati di atas penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat dan kerja-kerja yang dijalankan itu?

Yang kedua, jika sekiranya pihak-pihak universiti memandangkan perkara-perkara ini baik, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan-peruntukan ini di tahun-tahun yang akan datang?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian sangatlah puas hati dengan penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan di universiti tempatan. Kita berharap kita akan dapat lebih lagi pencyarah-pencyarah atau kakitangan-kakitangan yang datang menjalankan penyelidikan-penyelidikan itu. Untuk masa akan datang tentulah kita akan memberikan perhatian supaya kajian-kajian yang berguna itu khasnya research berkenaan dengan pembangunan negara yang kita

sekarang tentulah memerlukan, Kementerian Pelajaran tentulah akan menimbangkan kewangan yang mencukupi untuk satu-satu projek dan penyelidikan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mula-mula saya soal tadi dia kata hendak jawab di luar Dewan tetapi sekarang dijawab dalam Dewan; mengambil masa 11 minit. Ada Menteri yang menjawab perkara khusus dalam Dewan sampai 45 minit terutama Menteri Perusahaan Utama. Maknanya dalam semua pertanyaan di dalam Dewan ini tidaklah patut dijawab oleh Yang Berhormat Menteri itu seolah-olah perkara itu sangat kecil yang disoal oleh Ahli-ahli Dewan. Mengikut peraturan-peraturan sidang Senate kita ini, dalam semua soalan-soalan yang ditujukan hendaklah dijawab dengan tepat, bukan dijawab 'Ya' atau 'Bukan' kecuali sebenarnya yang disoal itu 'Bukan'.

Jadi saya rasa apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi amat berguna, ini patut saya minta mass-media seperti suratkhbar kita mengeluarkan seberapa banyak memberitahu rakyat bahawa Kerajaan kita sungguh-sungguh membuat

beberapa projek baru bagi pembangunan negara kita. Saya rasa ini amat penting disebarkan dan amatlah mengejutkan saya Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi hendak dijawab di luar Dewan, di antara empat mata sahaja. Jadi saya harap masa hadapan soalan-soalan yang kita timbulkan ini dijawab dengan tepat dan berani mengikut apa saluran kita memikul kewajipan mengikut Perlembagaan negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik tidak payahlah kita bersoal jawab di luar Dewan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas penghargaan yang dibuat kepada Kementerian Pelajaran oleh Yang Berhormat Senator. Maksud saya tadi saya hendak menjimatkan masa yang keemasan dalam Dewan yang mulia ini dan nampaknya soalan-soalan ini ada 22 semuanya dan jikalau saya boleh menjimatkan masa sedikit untuk rakan-rakan saya yang lain supaya ada peluang menjawab semua soalan-soalan yang dibentangkan pada hari ini. Walau bagaimanapun tentulah kita berharap supaya jangan pada satu masa kelak akan dikatakan banyak soalan-soalan ini tidak dapat dijawab oleh kerana terlalu panjang. Ini maksud saya. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih di atas galakan yang diberi kepada saya dan tentulah saya dan rakan-rakan saya akan cuba menjawab mana yang boleh dan kita berharap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi akhbar-akhbar boleh menghebahkan sedikit sebanyak keadaan yang sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, masalah penyelidikan ini memang menarik perhatian benar. Saya teringat lima enam tahun dahulu semasa saya berada di Pantai Timur di waktu itu sekumpulan daripada penuntut-penuntut universiti termasuk juga Professor Ungku Aziz membuat penyelidikan kemiskinan nelayan-nelayan dan hasil daripada penyelidikan itu beliau mengeluarkan sebuah risalah yang kecil yang bernama "Kemiskinan yang tak ketara". Selepas daripada itu ternyata Kerajaan mengambil tindakan

dengan mengeluarkan berbagai-bagai subsidi, pertolongan, bantuan terhadap nelayan-nelayan di waktu itu terutamanya di Pantai Timur. Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah selain daripada usaha penyelidikan terhadap nelayan dibuat juga usaha-usaha penyelidikan terhadap pak tani dan cara-cara hendak mengatasi kemiskinan yang mereka hadapi sekarang ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada sebagaimana saya telah sebut tadi di Universiti Kebangsaan Malaysia ada membuat satu kajian mengenai petani.

KAMPUCHEA—PERSIDANGAN ANTARABANGSA

8. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa satu persidangan Politik Antarabangsa mengenai Kampuchea akan diadakan dalam tahun 1981.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Resolusi 35/22 yang diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah memutuskan supaya Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea diadakan awal tahun ini. Tujuan-tujuan penting Persidangan itu ialah untuk mencari jalan supaya:

- (a) tentera-tentera asing dapat diundurkan sepenuhnya dari Kampuchea;
- (b) menjamin tidak akan ada lagi tentera-tentera Asing di Kampuchea;
- (c) menjamin ujudnya sebuah negara Kampuchea yang merdeka dan bebas tidak menjadi ancaman kepada negara-negara jiran; dan
- (d) mengadakan pilihanraya bebas di bawah kelolaan dan pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu.

Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu adalah bertanggungjawab mengusahakan supaya Persidangan Antarabangsa itu dapat diadakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana ASEAN begitu minat supaya sengketa di Kampuchea itu dapat diselesaikan melalui lunas-lunas politik, maka ASEAN akan bekerjasama dengan giat dan membantu

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya persidangan antarabangsa itu dapat diwujudkan awal tahun ini juga.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Oleh kerana soal Kampuchea begitu menarik dan begitu hebat menjangkau ke negeri kita, maknanya besar sangat perkara ini, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah benar mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu yang akan diadakan di awal tahun 1981 ini akan membincangkan satu resolusi yang nyata dan konkrit iaitu menghantar askar Bangsa-bangsa Bersatu sendiri di Kampuchea supaya menahan pencerobohan kuasa-kuasa lain dalam negeri itu. Kalau tidak benar, saya hendak bertanya, bolehkah ASEAN terutamanya Malaysia membawa satu cadangan yang nyata dan penuh jujur iaitu Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah menghantar askar-askarnya ke Kampuchea seberapa dapat bagi menahan merebaknya kuasa asing yang jahat mengacau negeri yang tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya jelaskan sekejap tadi kita hendak mencari penyelesaian politik masalah Kampuchea ini dan isu-isu, saya rasa tidak perlu dipersatukan satu persatu buat masa sekarang ini, kerana ini akan memberikan satu pula masalah.

Apabila persetujuan khususnya di antara pihak yang berkenaan, dengan izin, di dalam resolusi yang dikatakan "parties concerned" iaitu bersetuju mengambil bahagian di dalam persidangan ini maka kita bolehlah membincang, membicarakan apakah item-item yang perlu dibincangkan di dalam Persidangan Antarabangsa bersabit dengan Kampuchea ini.

Suka juga saya jelaskan bersabit dengan penghantaran askar-askar Bangsa-bangsa Bersatu ini, satu perkara yang penting yang perlu mendapatkan kelulusan ataupun kebenaran daripada Majlis Keselamatan (Security Council of the United Nations). Maka di dalam kebenaran ini pihak permamemt members mestilah memberi juga kelulusan dan mungkin ada dalam anggaran kita iaitu pihak yang berkenaan akan veto di

dalam hendak menghantar jikalau berbangkitnya isu menghantarkan satu pasukan tentera daripada Bangsa-bangsa Bersatu ini. Perkara ini, saya rasa masih lagi awal dan seperti mana saya sebutkan tadi tidak perlulah kita membincangkan masalah hendak menghantar askar tetapi apa yang penting seperti mana saya sebutkan tadi bahawa jawapan (a), (b), (c) dan (d) adalah satu perkara yang perlu dibincang, dibicarakan di antara parti yang berkenaan, pihak yang berkenaan dan mereka yang lain yang bersangkutan paut dengan hal masalah Kampuchea ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya akui dengan hasrat dunia, hasrat Bangsa-bangsa Bersatu hendak mengadakan persidangan bagi menyelesaikan masalah Kampuchea dan ASEAN sendiripun tertarik hati membantu dalam masalah ini.

Saya hendak bertanya, adakah sudah dibuat tinjauan, kerana baru-baru ini Menteri Luar Vietnam sendiri telah menyatakan kepada seorang ahli Konggres Amerika yang melawat Vietnam, ia tidak akan menghadiri persidangan Antarabangsa yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu selagi negeri dia masih dicerobohi atau disyaki dicerobohi oleh Komunis China dan kalau sekiranya Vietnam sendiri tidak hadir jadi parties concerned yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tidak akan timbul. Adakah ASEAN atau khasnya Malaysia sendiri telah meninjau supaya perkata ini akan dapat dibetuli dan kemungkinan tidak hadir itu tidak timbul.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:

Tuan Yang di-Pertua, apabila resolusi ini dirangkakan iaitu membuat draft resolution ini ialah perkara yang difikirkan oleh khususnya negara-negara ASEAN yang berjiran dengan Kampuchea atau yang berdekatan dengan Kampuchea, yang boleh membangkitkan masalah yang sama jikalau penyelesaian politik ini tidak tercapai. Dan di dalam resolusi ini difikirkan adalah penting dan perlu diadakan persidangan antarabangsa bagi menyelesaikan masalah Kampuchea ini.

Apabila diusulkan perkara ini di Bangsa-bangsa Bersatu dan diundikan maka terdapatlah boleh dikatakan lebih kurang 2/3 daripada ahli-ahli bersetuju di atas cara-cara yang mana resolusi yang dikemukakan bersama-sama dengan negara-negara yang boleh dikatakan lebih kurang 30 buah negara yang sponsor resolusi ini. Jadi kita kena lihat iaitu di dalam resolusi ini sokongan yang terbanyak daripada ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu. Inilah perkara yang sesuai sekali untuk mencari penyelesaian politik. Kita telah kaji tetapi malangnya ada satu, dua atau tiga sedikit yang kata tidak mahu mencari penyelesaian politik.

Saya suka membuat sedikit pembetulan iaitu bukanlah dia kata dia tidak mahu hadir di dalam persidangan. Apa yang Vietnam kata kalau tidak salah saya dia tidak akan keluarkan tenteranya jikalau ancaman (threat) daripada China masih lagi ada di Kampuchea itu. Tetapi walau bagaimanapun, kita masih berikhtiar mencari jalan supaya cara manakah kita dapat mengatasi buat masa sekarang ini yang tidak ada persefahaman. Tetapi apa yang kita terdapat yang diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini adalah umum (general). Tetapi di dalam umum ini kita mesti satu persatu bincang (negotiate) mengikut diplomasi cara mana kita dapat mengurangkan kalau digunakan bahasa Inggeris "to reduce the area of disagreement" supaya kita dapat "enlarge the area of agreement". Jadi banyak lagi perkara ini yang perlu dirundingkan supaya kita dapat persefahaman dan saya rasa perlu Vietnam ini dipujuk setakat mana yang boleh supaya menghadiri persidangan antarabangsa bersabit dengan Kampuchea ini. Saya rasa sebab itulah kita perlu mengadakan dailog yang mana Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn telah berkata kita mesti membuka pintu dailog di antara negara-negara kita khususnya Malaysia dan Vietnam agar kita dapat mencari penyelesaian politik mengenai hal Kampuchea ini.

Tan Sri Dato⁹ Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak berbahas dengan Yang Berhormat Mulia sebab Yang Berhormat Mulia cukup alat penyelidikan dan sebagainya. Tetapi ini

berdasarkan saluran hebahan akhbar bahawa seorang senator Amerika sudahpun bercakap sewaktu dia singgah di Singapura bahawasanya Vietnam tidak akan menghadiri persidangan itu dan dia tidak akan mengundurkan tenteranya dari Kampuchea selagi keselamatannya tidak dijamin oleh China. Jadi dua faktor. Soal tentera, dia tidak akan undur selagi China merupakan satu ancaman kepadanya. Yang Kedua dia tidak hadir persidangan itu.

Jadi sekarang oleh sebab kita ini hendak sangat dan kita mengaku negeri kita negeri aman adakah Yang Berhormat bercadang pergi semula ke Hanoi berjumpa dengan Menteri Luarnya dan pujuk kerana Yang Berhormat tahu hasrat yang sebenarnya. Sebab perkhabaran ini sudah diisytiharkan di dalam akhbar oleh seorang Senator Amerika yang tidak singgah di Kuala Lumpur tetapi singgah di Singapura. Kalau sekiranya hasrat ini betul-betul kita kehendaki saya hendak bertanyalah adakah Yang Berhormat sedia terbang ke Hanoi untuk merapatkan jurang atau tanda-tanda pemisahan ini supaya ianya wujud dan bolehlah kita adakan persidangan sebagaimana yang dihasratkan.

Tengku Dato⁹ Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menerangkan sedikit sebanyak atas pertanyaan Yang Berhormat Tan Sri Razak Husain sekejap tadi adakah saya sanggup hendak pergi ke Hanoi. Saya, demi kepentingan negara kita, demi kepentingan keamanan dan kestabilan rantau ini dan dunia amnya, saya ke bulan pun sanggup. (*Tepuk*) Kerana saya telah berkata, Tuan Yang di-Pertua, selepas perjumpaan saya dengan Menteri Luar Thailand sekiranya saya perlu membuat lawatan ke Hanoi, saya sanggup dan saya sedia membuat lawatan itu.

Tetapi saya sukalah mengkaji dahulu keadaan, fikiran, pandangan dan kedudukan pihak Hanoi sendiri pula. Vietnam masih lagi berkata Vietnam irreversible, Kampuchea irreversible. Jadi saya rasa perlu kita tunggu dulu sekejap tengok keadaan. Kalau irreversibility menjadi irreversibility, kalau dua irreversibility kita harap pada masa yang akan datang ini menjadi reversible. Macam kegunaan perkataan terminology

memberikan jaminan iaitu kita ada memberikan kursus dan saya minta maaf barangkali ada pegawai yang tidak kenal badge itu kerana badge ini baharu setahun dua, yang sebenarnya saya pakai juga tetapi telah jatuh di Paris kerana pinnya itu terkeiuar oleh sebab perbuatannya itu tidak begitu cekap, jadi saya tidak dapat tunjukkan kepada pegawai-pegawai itu. Dan saya harap dengan pertanyaan Yang Berhormat Dato Sulaiman ini saya akan tunjukkan semua gambar supaya Ahli-ahli Dewan Negara diketahui iaitu mereka ini adalah Ahli Dewan Negara.

Mereka ini ada juga pegawai-pegawai sepertimana Yang Berhormat kata tak ada cukup, kerja banyak. Jikalau' kita berada seperti di London, saya suka menjelaskan sekali lagi, duta kita ini boleh dikatakan bukan kerja di office tetapi duduk di airport oleh sebab banyak orang-orang kita, bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Negara banyak pergi ke sana, Ahli-ahli Dewan Rakyat pun ada, Raja-Raja pun ada, Menteri-menteri pun ada tetapi saya kata kepada rakan-rakan saya Menteri-menteri janganlah kecil hati jikalau High Commissioner kita tak pergi ke sana, mereka kena pergi berunding bersabit dengan Komanwel, ada perkara iaitu tugas mereka yang sepatutnya, iaitu pergi berunding dan 'menjualkan' Malaysia, menjualkan kelapa sawit, menjualkan getah, itu tugas mereka yang sebenarnya. Tetapi untuk menyambut ini ialah protokol, menunjukkan kita meraikan kedatangan Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat tetapi kerja mereka boleh dikatakan tak dapat laporan. Saya kata, kenapa kamu tak buat laporan? Katanya, Allah, satu minggu ini duduk di airport sahaja. Kalau di Tokyo hendak pergi ke airport 4 jam traffic jam—susah. Satu orang hendak pergi sahaja 4 jam duduk di airport. Jadi begitulah keadaannya. Jikalau sedikit sebanyak ada kesilapan atau kekurangan, saya mintalah pihak Ahli-ahli Dewan Negara ini sedar sedikit, iaitu ada kesilapan dan kekurangan.

Yang kedua, duta orang politik, ini saya sukalah mengatakan saya mengambil ingatan jikalau Ahli-ahli Dewan Negara ini bersara bolehlah kita mengambil ingatan, kita tidak lupa orang politik kita, kerana kita

memberikan, saya rasa buat masa sekarang 25%. Kalau kita lihat kepada negara-negara lain boleh dikatakan tak sampai 25%, jadi saya rasa kita ada mengambil 25%, dahulu 6%, jadi ini kita tambahkan lagi, banyakkann lagi.

Deligasi ini sepertimana saya telah jawab itu, saya rasa saya haraplah Yang Berhormat yang bertanya telah pun mengetahui, iaitu kita sentiasa memberikan kerjasama dan kemudahan-kemudahan kepada yang berkenaan apabila sampai di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 22 adalah di bawah ini).

JABATAN RUKUN TETANGGA DAN PERPADUAN NEGARA—AKTIVITI

11. Tuan M. Mahalingam minta Perdana Menteri menyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menggalak dan memperluaskan aktiviti Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, supaya memberi perkhidmatan untuk faedah masyarakat (community service) di kawasan luarbandar dan sama ada rakyat di luarbandar sedar akan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara di dalam menjalankan Rancangan Perhubungan Masyarakat adalah ditumpukan di dalam kawasan bandar dan separuh bandar iaitu kawasan-kawasan antara sempadan-sempadan Kerajaan Tempatan seperti Majlis Daerah, Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaran. Oleh itu, langkah-langkah menggalakkan aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan ini adalah diperluaskan di sekitar kawasan tersebut bagi seluruh negara. Berhubung dengan kawasan di luarbandar pula, Kerajaan telah menentukan bahawa tugas perhubungan masyarakat dan pembangunan masyarakat dan pembangunan masyarakat di sektor tersebut dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

IBU PEJABAT IMIGERESEN DI IPOH—PENUBUHAN

12. Tuan S.I. Rajah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilakah Ipoh akan mendapat sebuah Ibu Pejabat Imigeresen Wilayah untuk memproses semua pasport Antarabangsa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan Ibu Pejabat Imigeresen yang baru di Ipoh sebagaimana cadangan Ahli Yang Berhormat itu kerana keadaan yang ada sekarang adalah memuaskan.

BOT PUKAT TUNDA TANPA LESEN DI PERAIRAN LANGKAWI

13. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak bot-bot pukat tunda tanpa lesen bermaharajalela di kawasan perairan Langkawi yang menjejaskan mata pencarian nelayan-nelayan pantai; jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Kementerian saya sedar bahawa ada bot-bot pukat tunda memukat di perairan Langkawi tanpa lesen. Tindakan-tindakan yang telah diambil dan akan terus diambil adalah seperti berikut:

- (1) Mengawal perairan itu dengan melipatgandakan rondaan-rondaan oleh bot-bot ronda Jabatan Perikanan;
- (2) Di samping rondaan-rondaan biasa yang dijalankan oleh bot-bot ronda di Kedah, operasi-operasi khas oleh pasukan Bertugas Gerak dari Ibu Pejabat telah pun dijalankan;
- (3) Tindakan tegas seperti menangkap serta membawa ke mahkamah terhadap bot-bot tanpa lesen itu;
- (4) Meminta bantuan dan kerjasama Polis Laut supaya membuat rondaan di kawasan itu.

VIETNAM—KEBENARAN TELUK CAM RANH

14. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Vietnam membenarkan Teluk CAM RANH dijadikan pengkalan bekalan untuk kegunaan Tentera Laut Pasifik Soviet; jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Malaysia dan Negara-negara Asean.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya memang menyedari akan hakikat bahawa angkatan tentera laut Soviet Union telah diberikan kemudahan yang terdapat di pengkalan Cam Ranh oleh Vietnam. Butir-butir berkenaan dengan kemudahan yang diterima oleh Soviet Union itu tidaklah diketahui umum oleh kerana ianya tergolong ke dalam lingkungan perjanjian serta kerjasama dua hala di antara Vietnam dan Soviet Union. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia baik secara individu dan juga secara bersama dengan rakan-rakan Asean kita telah beberapa kali menyuarakan kebimbangan terhadap kemungkinan meluasnya campurtangan kuasa besar, termasuk Soviet Union dalam hal ehwal rantau ini. Kebimbangan yang kita suarakan itu adalah bersesuaian dengan hasrat ASEAN untuk menjadikan rantau ini sebagai rantau Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

PENJENAYAH—USAHA MENGHAPUS

15. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih terdapat penjenayah-penjenayah yang dapat melepaskan diri dari tangkapan Polis. Jika ya, adakah Kerajaan akan menambahkan lagi pasukan polis yang tidak beruniform.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidaklah dapat dinafikan bahawa pihak polis tidak dapat menyelesaikan semua kes-kes jenayah dan menangkap tiap-tiap penjenayah yang melakukan kesalahan dalam negara ini. Walau bagaimanapun, pihak polis sentiasa berusaha mencegah, mengurang

rancangan untuk mengurangkan bilangan murid tetapi ini akan dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat bergantung kepada keadaan kewangan khususnya.

PEGAWAI-PEGAWAI DI KEDUTAAN MALAYSIA

10. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menghantarkan satu atau dua orang pegawai yang benar-benar tahu akan perkembangan politik tanah air berkhidmat di tiap-tiap Kedutaan kita agar mereka dapat memberi penerangan yang sejelasnya kepada rakyat dan pelajar-pelajar Malaysia di Luar negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri sentiasa menentukan bahawa pegawai-pegawai kanan yang berkhidmat di luar negeri benar-benar mengetahui perkembangan politik tanahair untuk memastikan bahawa bukan sahaja rakyat dan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri bahkan pemimpin-pemimpin di negara-negara di mana pegawai-pegawai ini ditugaskan mendapat penerangan dengan sejelas-jelasnya dalam perkara tersebut.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang dibagi oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri cukup sedap didengar, kalau itu diambil sebenarnya Alhamdulillah. Adakah Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri dapat tahu sebahagian, tak usahkan kakitangan bahkan duta-duta pun, ada yang tidak mengindahkan apa yang diminta pertolongan yang patut dapat pertolongan daripada rakyat yang pergi ke luar negeri. Ini adakah Yang Berhormat Mulia tahu, kalau tahu, adakah Yang Berhormat Mulia telah mengadakan atau bercadang hendak mengadakan kursus kepada duta-duta dan kakitangan supaya mereka kenal Malaysia ini dengan cukup jelas kerana baru-baru ini ada juga kakitangan kedutaan itu tidak kenalkan badge yang dipakai oleh Ahli-ahli Parlimen, ini yang kedua. Ketiga, adakah Kerajaan bercadang oleh sebab kita sudah merdeka lebih daripada

20 tahun pada masa yang akan datang duta-duta kita di luar negeri itu diwakili oleh ahli-ahli politik sahaja tidak daripada pegawai Kerajaan.

Satu lagi perkara yang saya suka bertanya ialah adakah Kerajaan akan mengkaji kedudukan kakitangan dan duta di luar negeri sekarang sama ada mencukupi atau tidak. Saya ambil satu contoh tetapi saya tidak mahu sebut negerinya. Apabila rombongan perdagangan dari Malaysia minta tolong satu dua pegawai menguruskan, tidak ada pegawai yang boleh, jadi menunjukkan tidak cukup pegawai di sana ataupun bukan kewajibannya ataupun dia berfikir yang dia itu satu taraf yang paling tinggi dan rakyat di sini tarafnya yang rendah atau bagaimana. Sebab itulah saya katakan kursus sangat mustahak diadakan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu banyak sedikit. Saya ada jot down sedikit sebanyak pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah tadi. Untuk menjawabnya, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan kursus, kita sentiasa memberikan kepada pegawai-pegawai yang akan keluar negeri kursus-kursus yang pertama sekali kursus seberang laut di atas keadaan baik pun dari segi politik, pembangunan dan dasar negara kita.

Kepada pegawai-pegawai yang telah pun berkhidmat beberapa tahun di dalam Kementerian Luar Negeri kita sentiasa memberikan berita-berita jika ada pertukaran polisi dan juga kenyataan-kenyataan dasar daripada Menteri-menteri dan juga jawapan-jawapan seperti yang terdapat di dalam Dewan Negara ini kepada soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita ada kursus-kursus, bahkan saya suka mengatakan pada bulan yang lepas iaitu 16hb hingga 20hb kita telah mengadakan perjumpaan di antara ketua-ketua perwakilan kita di Eropah dan Amerika, seramai 17 orang duta-duta kita berjumpa di Paris untuk memberikan pandangan yang akhir bersabit dengan dasar-dasar negara kita supaya mereka sentiasa mengetahui dengan jelasnya keadaan khususnya bersabit dengan Rancangan Malaysia Keempat. Jadi saya suka

irreversibility ini digunakan. Jadi kita cuba ikhtiar agar pintu irreversibility ini dapat direversekan dan saya sukalah sekali lagi mengulangi iaitu saya sanggup membuatkan lawatan ke Hanoi demi kepentingan dan keamanan di rantau ini dan saya berharap saya akan menghadiri persidangan non-aligned pada bulan depan di New Delhi dan saya akan membuat perjumpaan dengan Menteri Luar itu di sana dahulu sebelum saya membuat lawatan saya untuk mencari jalan dan mengetahui pada peringkat akhir apakah kedudukan (stand) pihak Hanoi dahulu. Saya rasa itulah buat permulaan perjumpaan saya yang akan diadakan dalam bulan depan ini.

Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya tadi telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Razak, hanya saya ingin menambah sedikit lagi sementara kita menunggu satu persidangan antarabangsa mengenai Vietnam adakah sekarang ini kita telah memikirkan satu alternative sekiranya persidangan itu tidak berjaya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, persidangan antarabangsa (international conference) ini telah pun diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan kita bersama-sama mengundi bahkan kita sponsoring bersama. Saya rasa kita mestilah turut di atas landasan yang mana kita telah pun memberi green light di atas cara-cara mencari penyelesaian. Walau bagaimanapun, kita ada cara tidak langsung melalui kedutaan-kedutaan kita di Hanoi dan juga kedutaan Vietnam di sini ada membicarakan hal ini cara mana kita dapat mengatasi yang tidak ada persamaan buat masa sekarang ini. Sambil menunggu persidangan antarabangsa (international conference) yang diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan Oktober baru-baru ini.

BILANGAN MAKSIMA MURID-MURID DALAM DARJAH SATU

9. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan maksima murid-murid yang dibenarkan di dalam satu

darjah iaitu bagi Darjah Satu di sekolah-sekolah di bandar dan di sekolah-sekolah di luar bandar.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah rendah di bandar bilangan maksima murid-murid yang dibenarkan di dalam darjah satu ialah 50 orang dan bagi sekolah-sekolah di luar bandar ialah 40 orang.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan sekolah-sekolah di luar bandar dan dalam bandar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyakkah sekolah-sekolah yang dibina selepas daripada kita mencapai kemerdekaan dengan perbandingan sekolah-sekolah yang dibuat dalam masa penjajah dahulu.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bilangan 50 orang murid bagi sekolah-sekolah di dalam bandar dan 40 orang bagi sekolah-sekolah di luar bandar pada satu-satu darjah khususnya darjah satu adalah terlalu banyak dan sukar diberi pengawasan yang rapi oleh seorang guru terutama murid-murid darjah satu yang hanya baharu sahaja mengenai alam persekolahan. Jika sedar, adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengurangkan bilangan itu kepada 30 orang pada satu-satu darjah?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar perkara ini telah berlaku. Sungguhpun apa Yang Berhormat katakan tadi adalah sekolah-sekolah rendah di dalam bandar pada darjah satu 50 orang murid dan sekolah-sekolah di luar bandar ialah 40 orang, ini cuma ditetapkan oleh Kementerian tetapi untuk satu angka yang global di dalam negara kita ini ialah 36 orang purata. Jadi proses akan diambil untuk mengurangkan bilangan murid dalam darjah satu ini tentulah akan bergantung kepada bilik-bilik darjah yang akan dibina **dan memang** kita sudah ada

menyelesaikan dan menangkap penjenayah-penjenayah ini. Dalam usaha ini, antara tindakan yang telah dan sedang diambil ialah menambahkan lagi anggota-anggota polis termasuk anggota-anggota yang tidak beruniform iaitu mata-mata gelap. Di samping itu, dalam menjalankan tugas-tugas menangkap penjenyah-penjenyah ini, pihak polis amatlah memerlukan kerjasama daripada orang ramai untuk menyampaikan maklumat-maklumat mengenai penjenyah-penjenyah supaya tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif dan berkesan.

LEMBAGA LETRIK NEGARA— LAPORAN UNTUNG RUGI

16. Tuan Alexander Lee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Lembaga Letrik Negara telah mengeluarkan laporan-laporan untung-ruginya untuk menunjukkan bahawa mereka mengalami kerugian sebanyak \$1 juta tiap-tiap hari sebelum kadar letrik dinaikkan baru-baru ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya telah menjawab dalam Dewan yang Mulia ini pada 15-12-80 satu soalan yang hampir sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

ADUAN KECURIAN—SIKAP POLIS

17. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sikap Kerajaan terhadap sungutan orang-ramai mengenai sikap tidak ambil berat pihak Polis terhadap aduan-aduan kecurian yang dibuat oleh orang-orang ramai.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua laporan kecurian yang dilaporkan kepada pihak polis adalah disiasat. Jika penjenayah dapat dikesan, mereka akan ditangkap dan didakwa di Mahkamah. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, aduan selalunya tidak dapat memberi maklumat yang mencukupi mengenai harta yang hilang kepada pihak polis dan dalam setengah-setengah kes, aduan tidak dapat mengecam

barang-barang mereka yang didapati balik. Keadaan ini telah menjadi satu masalah yang selalu dihadapi oleh pihak polis.

LAPORAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR PELAJARAN

18. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang melaksanakan perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran berkenaan dengan sekolah-sekolah yang mempunyai jumlah murid yang kecil supaya dapat sekolah-sekolah ini dipersatukan dan juga kemungkinan menambahkan lagi nisbah guru kepada murid yang lebih baik di sekolah-sekolah rendah di negara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Kerajaan memang telah menerima Laporan Jawatankuasa Kabinet dan ini bermakna perakuan-perakuan yang dikemukakan dalam laporan itu akan dilaksanakan. Pelaksanaan ini adalah bergantung kepada wujudnya terlebih dahulu perancangan dan persediaan-persediaan yang diperlukan. Mengenai sekolah-sekolah kecil, rancangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah tersebut, walaupun sebelum keluarnya laporan Jawatankuasa Kabinet, telah sedia ada tetapi pelaksanaannya menghadapi beberapa masalah, khususnya di bidang-bidang sosial dan politik. Ini tidak pula bermakna rancangan itu telah diberhentikan, malah selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet diterima oleh Kerajaan, Kementerian Pelajaran telah diberi mandat untuk meneruskan rancangan percantuman ini di mana yang mungkin dan di tempat-tempat lain langkah-langkah tertentu akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kecil pada hari ini.

Langkah-langkah telahpun diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi memperbaiki nisbah kelas; guru di semua jenis sekolah di negara ini menggantikan nisbah yang terkandung dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 3/67. Nisbah kelas: guru yang baru ini hanya menantikan kelulusan daripada Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum ia boleh dilaksanakan.

**PELAWAT LUAR NEGERI—
TEMPOH VISA**

19. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuat satu peraturan untuk menetapkan jangkamasa maksima untuk tempoh visa seseorang pelawat dari luar negeri dan tidak seperti sekarang ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebenarnya peraturan mengenai jangkamasa maksima lawatan seseorang pelawat ke Malaysia telahpun dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seseorang warganegara Commonwealth atau bukan Commonwealth yang mempunyai perjanjian penghapusan visa dengan Malaysia tidak memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia bagi tempoh 3 bulan.

Bagi pelawat-pelawat lain setibanya di pintu masuk di Malaysia mereka akan dibenarkan tinggal atas Pas Lawatan (Sosial) selama dua minggu apabila ia dapat menyempurnakan syarat-syarat Imigeresen yang diperlukan.

MAKTAB PERGURUAN DI PERLIS

20. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan akan menubuhkan sebuah maktab perguruan di negeri Perlis; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian Pelajaran memang ada merancang untuk menubuhkan sebuah Maktab Perguruan di Kangar, Perlis dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk menampung seramai 720 orang guru pelatih.

**SUKAN NEGARA-NEGARA ISLAM
DI IZMIR TURKI—PENYERTAAN
MALAYSIA**

21. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Malaysia akan menyertai Sukan Negara-negara Islam di Izmir Turki, yang akan diadakan pertama kali pada 26 September sehingga 6 Oktober, 1980.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Mokhtar bin Haji Hashim): Malaysia telah menyertai Sukan Negara-negara Islam, di Izmir, Turki pada 26hb September—6hb Oktober 1980. Sebanyak 6 pasukan telah dihantar untuk menyertai sukan tersebut iaitu Tenis, Olahraga, Bola Tampar Wanita, Bolai Keranjang Lelaki, Renang dan Bolasepak. Jumlah peserta ialah 58 orang dan pegawai 21 orang.

MAKLUMAN TAMBAHAN:

<i>Pencapaian</i>	<i>Emas</i>	<i>Perak</i>	<i>Gangsa</i>
Bola Keranjang Lelaki	—	—	1
Bola Tampar Wanita	—	1	—
BolaSepak	—	—	—
Renang	—	1	3
Tenis.	—	—	—
Olahraga	—	3	2
		5	6

Penyertaan:

Turki	223 orang
Arab Saudi.	144 orang
Libya.	95 orang
Malaysia.	79 orang
Cyprus.	75 orang
Pakistan.	58 orang
Algeria.	47 orang
Morocco.	30 orang
Bangladesh.	28 orang
Baharin.	24 orang

LESEN TEKSI KEPADA PEMANDU

22. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada menjadi polisi Kementeriannya memberi lesen-lesen teksi kepada pemandu-pemandu teksi sahaja; dan
- (b) sama ada sebarang lesen teksi telah ditarik balik kerana pemilik lesen itu tidak memandu sendiri; jika ya, berapa.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):

- (a) Adalah memang menjadi dasar Kementerian saya sekarang ini memberi lesen-lesen teksi hanya kepada pemilik pandu sendiri dan juga kepada koperasi yang dianggotai oleh pemandu-pemandu teksi sahaja.
- (b) Sehingga kini Kementerian saya belum lagi menarik balik sebarang lesen teksi/ kereta sewa yang tidak dipandu sendiri oleh pemilik-pemilik lesen tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMERBADANAN (KELAYAKAN PIHAK BERKUASA PERUNDANGAN NEGERI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "Akta Perbadanan (Kelayakan Badan Perundangan Negeri) (Pindaan) 1980" dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah mempunyai tiga tujuan utama;

- (i) Pertama, ia akan mengesahkan penubuhan pihak-pihakberkuasa negeri yang menjalankan kegiatan-kegiatan kemajuan pertanian, kemajuan perumahan dan bekalan air. Ini akan dilakukan secara meminda Jadual Pertama kepada Akta tersebut.
- (ii) Kedua, ia akan menjadikan pihak-pihakberkuasa yang menjalankan kegiatan-kegiatan kemajuan pertanian dan kemajuan perumahan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan khas dalam Jadual Kedua kepada Akta tersebut. Setakat ini hanya kegiatan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sahaja yang tertakluk kepada Jadual Kedua ini.

- (iii) Ketiga, Jadual Kedua kepada Akta tersebut akan dipinda secara digantikan dengan satu jadual baru. Jadual Kedua yang baru ini akan mengandungi beberapa pindaan yang bertujuan untuk membolehkan pihak-pihakberkuasa berkenaan dikawal dengan baik dan berjalan dengan lebih teratur.

Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Parlimen berkuasa membenarkan Pihakberkuasa Perundangan Negeri membuat undang-undang mengenai perkara-perkara Persekutuan (iaitu perkara-perkara di bawah Senarai Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan) tertakluk kepada syarat-syarat atau sekatan, jika ada, yang boleh dikenakan. Kuasa ini telahpun dijalankan oleh Parlimen dengan lulusnya Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihakberkuasa Perundangan Negeri) 1962 yang memberi kuasa kepada Pihakberkuasa Perundangan Negeri membuat undang-undang mengenai "pemerbadanan" yang dihadkan kepada perkara-perkara yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta ini. Bagaimanapun, dalam meneliti kegiatan Kerajaan Negeri, adalah didapati bahawa ada beberapa pihak-pihakberkuasa di peringkat negeri yang telah ditubuhkan tetapi tidak disenaraikan di bawah Jadual Pertama dalam Akta tersebut. Pihak-pihakberkuasa itu adalah menjalankan kegiatan-kegiatan kemajuan pertanian, kemajuan perumahan dan bekalan air. Untuk mengesahkan penubuhan pihak-pihakberkuasa ini dari segi undang-undang maka Jadual Pertama kepada Akta tersebut perlulah dipinda dengan memasukkan ketiga-tiga kegiatan itu sebagai butiran-butiran tambahan.

Jadual Kedua kepada Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihakberkuasa Perundangan Negeri) 1962 yang sedia ada adalah mengandungi peruntukan-peruntukan yang mengawal penubuhan dan perjalanan pihak-pihakberkuasa negeri yang setakat ini dihadkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sahaja. Pindaan kepada Akta tersebut akan meluaskan bidang Jadual Kedua itu untuk meliputi dua pihakberkuasa lain, iaitu pihak-pihakberkuasa yang menjalankan kegiatan-kegiatan kemajuan

pertanian dan kemajuan perumahan. Pindaan ini adalah dianggap sebagai perlu memandangkan kenyataan bahawa kegiatan-kegiatan kemajuan pertanian dan kemajuan perumahan adalah mempunyai tujuan yang sama dengan kegiatan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan mereka juga mungkin melibatkan pelaburan wang yang banyak dalam masa-masa akan datang.

Memandangkan bahawa PKEN-PKEN dan pihak-pihakberkuasa yang menjalankan kegiatan kemajuan pertanian dan kemajuan perumahan akan memainkan peranan yang besar sebagai agensi-agensi pembangunan dan juga akan membelanjakan wang yang banyak maka adalah difikirkan perlu supaya kawalan yang lebih baik dikenakan atas mereka. Untuk maksud ini pindaan adalah dicadangkan atas Jadual Kedua kepada Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihakberkuasa Perundangan Negeri) 1962.

Sukalah saya secara ringkas memberi penjelasan kepada beberapa perenggan-perenggan penting di dalam Jadual Kedua Akta ini yang dicadangkan untuk dipinda.

Perenggan 14 memberi Menteri Kewangan kuasa yang luas untuk mengawal apa-apa pelaburan dan pinjaman yang dilakukan oleh perbadanan.

Perenggan 16 menghendaki penyimpanan akaun perbadanan secara teratur dan juga memberi Menteri Kewangan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tertentu untuk menguatkuasakan perkara ini.

Perenggan 17 memberi kuasa kepada Menteri dan Menteri Kewangan untuk mengarahkan pegawai-pegawai tertentu untuk membuat pemeriksaan atas segala buku, akaun dan urusniaga perbadanan. Kuasa seperti ini tidak diberi dalam peruntukan yang sedia ada.

Perenggan-perenggan 18 dan 19 menyentuh tentang perkara-perkara mengenai tahun kewangan dan audit. Tempoh ini adalah sekarang ditetapkan untuk bermula pada 1hb Januari. Semua perbadanan adalah juga sekarang dikehendaki mengemukakan kepada Menteri berkenaan, dalam tempoh 6

bulan dari tarikh akhir tahun kewangan, akaun yang telah diaudit, pandangan juruaudit dan juga laporan tahunan perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.49 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri) 1962 ini saya suka serba ringkas untuk menyatakan yang patut diperhatikan dalam perkara ini ialah perhubungan antara Kerajaan Pusat, Negeri dan Perbadanan hendaklah diselaraskan. Dalam memutuskan sesuatu projek eloklah diberi pertimbangan agar tidak bercanggah antara satu sama lain dan tidak pula menyalahkan satu-satu pihak kerana perjalanan tidak lancar. Yang pentingnya ialah persefahaman mestilah ada di dalam setiap konteks.

Tuan Yang di-Pertua, juga dalam masalah ini pegawai-pegawai hendaklah benar-benar pakar pada tiap-tiap satu projek. Misalnya kalau pertanian hendaklah benar-benar mengetahui soal pertanian, janganlah semua pegawai serba takut kita fikirkan, tetapi bila dijalankan kedapatanlah sebaliknya sesuatu masalah. Maka inilah secara ringkas sambil menyokong Rang Undang-undang ini apa yang diharap persefahaman pegawai-pegawai itu dalam tiap-tiap bidang hendaklah difikirkan, janganlah kerana ada suatu sebab maka pegawai-pegawai itu dilantik walaupun ia tidak ada kelayakan pada jawatan-jawatan tersebut. Rasa saya cukuplah serba ringkas dalam memberikan sokongan untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

3.52 ptg.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan telah menterjemahkan ayat-ayat dalam Rang Undang-undang ini daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan kita. Yang saya pelik Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menterjemahkan dari satu perkara ke satu perkara tetapi sampai pada hari ini berkali-kali dalam Dewan ini Ahli-ahli Dewan Negara mengatakan Rang Undang-undang ini hendaklah dibuat dalam Bahasa Kebangsaan, sehingga pada hari ini masih lagi digunakan, boleh dikatakan Rang Undang-undang ini 100% dalam bahasa Inggeris. Ini saya pelik tetapi Timbalan Menteri ini cukup pakar. Terima kasih banyak beliau dapat menterjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan kita.

3.55 ptg.

Dato' Shahrir bin Haji Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sambil menyokong Rang Undang-undang ini dan juga memberikan pandangan dan buah fikiran masing-masing di atas Rang Undang-undang ini.

Sukalah saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan bahawa persefahaman dan kepakaran haruslah dijadikan perkara yang utama di dalam soal memilih pegawai-pegawai dan juga untuk menentukan supaya Pemerbadanan dan Pihak Berkuasa yang ditubuhkan itu akan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka masing-masing dengan lebih berkesan dan lebih efektif.

Memanglah menjadi tujuan Kerajaan supaya tingkat dan tahap kepakaran yang ada di dalam agensi-agensi Kerajaan itu sentiasa diberikan keutamaan pada setiap masa dan saya berharap bahawa segala usaha-usaha daripada pihak Kerajaan untuk meningkatkan kepakaran itu akan dapat berjaya dengan berkesannya lebih-lebih lagi dalam keadaan

di mana Rang Undang-undang ini memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menentukan sistem perakaunan, sistem odit, sistem kewangan dan sebagainya untuk membolehkan supaya segala tanggungjawab dan tugas pihak-pihak berkuasa berkenaan akan dapat dijalankan dengan baik dan lancar dan teratur.

Selain daripada itu, saya tidaklah ada komen terhadap pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah berhubung dengan bahasa yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih, walau bagaimanapun saya tidaklah seorang pakar yang telah menterjemahkan segalanya tetapi saya menggunakan peluang ini untuk membuat penterjemahan dalam ucapan saya mengikut keadaan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat itu memahami tentang hasrat Kerajaan untuk menterjemah segala undang-undang yang ada dalam negara ini dan perkara ini tentunya akan mengambil masa sedikit dan untuk kegunaan kita kadangkala terpaksa kita bergantung kepada Rang Undang-undang yang masih lagi naskhah sahnya di dalam bahasa Inggeris seperti mana Rang Undang-undang ini yang telah diluluskan dalam tahun 1962 tetapi pada masa sekarang hampir kesemua Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen adalah bahasa sahnya dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

1.00 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959, apabila seseorang meninggal dunia tanpa meninggalkan surat wasiat, maka mana-mana orang bolehlah memohon untuk mentadbirkan harta pesaka si mati itu. Surat mentadbir pesaka boleh juga diberi kepada seseorang pentadbir pesaka jika wasiat yang ditinggalkan oleh si mati itu tidak boleh dikuatkuasakan.

Mengikut seksyen 35 Akta Probet dan Pentadbiran 1959, tiada sekuriti dikehendaki berkenaan dengan pentadbiran harta pesaka si mati sekiranya nilai kasar harta pesaka itu tidak melebihi sepuluh ribu ringgit. Ini bermakna, di dalam tiap-tiap kes di mana si mati meninggalkan harta pesaka tidak melebihi sepuluh ribu ringgit nilai kasar, surat mentadbir pesaka akan diberi kepada pentadbir pesaka tanpa apa-apa sekuriti. Bagi harta pesaka yang melebihi sepuluh ribu ringgit nilai kasar, sekuriti adalah wajib sebelum surat kuasa diberi kepada pentadbir pesaka melainkan pihak Mahkamah Tinggi telah memberi kebenaran yang sekuriti tidak dikehendaki. Memandangkan amaun ini telah diluluskan dalam tahun 1959 iaitu dua puluh ribu yang lalu maka adalah difikirkan wajar

dan berpatutan yang amaun sepuluh ribu ringgit ini dinaikkan ke lima puluh ribu ringgit.

Pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu memandangkan banyaknya kes-kes yang dibawa ke mahkamah yang mana nilai kasar harta pesaka si mati melebihi sepuluh ribu ringgit. Ini menimbulkan kesusahan kepada pentadbir-pentadbir pesaka yang perlu mendapat penjamin-penjamin yang mempunyai harta senilai dengan harta pesaka si mati sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 35, Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Dengan kenaikan amaun dari sepuluh ribu ke lima puluh ribu bermakna pentadbir-pentadbir pesaka tidak lagi bersusah payah mencari penjamin-penjamin untuk memenuhi keperluan seksyen 35 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.05 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1980 yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun seksyen 35 (1) (b) Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dipinda untuk menaikkan amaun \$10,000 kepada \$50,000 bagi nilai harta pesaka yang tidak memerlukan sekuriti kepada pentadbir pesaka, namun pada pendapat saya ini tidak mungkin dapat mengatasi sepenuhnya segala masalah-masalah yang dihadapi berhubung dengan penyelesaian harta pesaka si mati.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang kita tidak boleh nafikan ialah nilai harga harta pesaka sekarang semakin meningkat. Oleh itu, saya fikir adalah wajar bagi pihak Kerajaan meningkatkan amaun nilai harta pesaka yang tidak memerlukan sekuriti mengikut keadaan dari semasa ke semasa. Sebagai satu contoh sebuah rumah teres di bandar yang berharga kurang daripada \$10,000 pada 10 tahun lalu sekarang ini berharga lebih daripada \$50,000. Satu masalah yang dihadapi oleh waris-waris si mati ialah mereka tidak begitu mudah hendak mendapatkan penjamin dan ini menyebabkan kes-kes harta pesaka tidak boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah kebanyakan orang ramai terutama orang-orang luar bandar tidak mengetahui tentang wujudnya Jabatan Pemegang Amanah Raya yang boleh menolong menyelesaikan kes-kes harta pesaka si mati, maka pengumuman haruslah disebarikan kepada rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga pada masa ini Jabatan Pemegang Amanah Raya tidak mempunyai pegawai-pegawai yang mencukupi bagi menyelesaikan kes-kes pentadbiran harta pesaka, maka saya berpendapat pihak Kerajaan haruslah bertindak segera bagi menambah pegawai-pegawai di jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1980.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian sedikit di dalam perbincangan Rang Undang-undang Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1980.

Saya nampak pindaan yang dibuat ini adalah wajar kerana sebagaimana yang diterangkan tadi bahawa harta pesaka pada masa sekarang ini turut naik harganya dengan naiknya barang-barang yang lain di dalam negara kita.

Saya suka menarik perhatian bahawa semasa negeri-negeri bersendirian di dalam pentadbiran harta pesaka iaitulah masa

negara kita ini belum menjadi Malaysia lagi dan negeri-negeri itu adalah bebas di dalam pentadbirannya iaitu di masa-masa sebelum perang dahulu, negeri Terengganu telah ada mempunyai satu undang-undang secara persendirian di dalam harta pesaka.

Di dalam undang-undang pesaka negeri Terengganu itu dinyatakan tiga jenis: harta yang tidak lebih daripada \$100, harta yang tidak lebih \$1,000 dan \$1,000 ke atas. Harta yang tidak lebih daripada \$100 boleh diselesaikan oleh pihak polis, jadi kalau mana-mana orang yang mati meninggalkan harganya \$100 sahaja pada masa sekarang ini kalau kita katakan \$100 itu memang barangkali orang berasa ajaib kerana apa harta \$100, tetapi pada masa itu memang \$100 itu adalah harta. Tanah-tanah di Terengganu ada yang harganya \$20, \$30 begitu juga rumah-rumah ada yang harganya \$50-\$60. Jadi Kerajaan Terengganu telah memberi kuasa kepada pihak polis boleh menyelesaikan harta-harta yang harganya tidak lebih daripada \$100 kerana dia kata harta tarikh kecil iaitu hartanya di antara lebih \$100, tetapi tidak lebih daripada \$1,000 boleh diselesaikan oleh pihak Collector of Land Revenue dengan cara menyelesaikan tarikh kecil, guaman tarikh kecil, lepas itu barulah berunding dengan mahkamah harta yang lebih daripada itu.

Sekarang ini oleh kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan dan segala undang-undang telah disatukan maka perubahan-perubahan telah dibuat. Sekarang ini kuasa menyelesaikan harta walau seberapa sedikit pun nampaknya telah dicabut daripada tangan polis, tidak ada lagi kuasa polis menyelesaikan. Yang adanya hanyalah diberi kepada pihak Pejabat Tanah sahaja menerusi tarikh kecil dinaikkan tarafnya daripada \$10,000 kepada \$50,000. Jadi dengan \$50,000 ada kuasa pihak Collector of Land Revenue boleh membicarakan harta tarikh kecil, maka patutlah undang-undang probet di hadapan kita sekarang ini dinaikkan lagi tarafnya, kalau kuasanya dahulu \$10,000 maka sekarang ini pihak Pejabat Tanah boleh mengambil kuasa sampai \$50,000 dan patutlah pihak mahkamah diberi \$50,000 ke atas. Tetapi satu masalah yang saya nampak iaitu pihak Pejabat Tanah boleh

membicarakan harta-harta itu dengan cara tarikh kecil menyelesaikan guaman tarikh kecil harta itu tidak lebih \$50,000 tetapi dengan bersyarat kalau si mati itu ada mempunyai tanah, kalau si mati tidak mempunyai tanah walaupun seberapa sedikit sekalipun pihak Pejabat Tanah tidak boleh mengganggu, yang bererti walau macam mana pun perbincangan harta pesaka mesti ditolak juga ke mahkamah. Inilah kepada kebanyakan orang ramai, pihak penduduk-penduduk kalau disebut mahkamah sangatlah mereka itu berasa segan hendak pergi, kerana mereka itu tahu kalau sekiranya perkara ini dibawa melalui mahkamah maka mereka itu terpaksa mencari peguam terpaksa mereka itu berbincang dengan lawyer dan sebagainya dan wang yang banyak akan keluar. Ini satu masalah dan kerumitan yang dideritai oleh penduduk-penduduk negeri ini khasnya negeri Terengganu. Berlainan kalau sekiranya perkara itu tarikh kecil dengan jalan memasuki di dalam borang yang disediakan oleh Pejabat Tanah sahaja hanyalah dengan membayar barangkali \$2-\$3 sahaja selesai, sampai pada Pejabat Tanah, Pejabat Tanahlah yang menyelesaikan, panggil begitu-begini semua tidak kena duit katanya sampai selesai. Tetapi kalau perkara itu melalui mahkamah maka perkara itu akan diurus bukan mahkamah yang mengurus tetapi peguam (lawyer) tadi atau sekurang-kurangnya seorang penulis. Jadi inilah yang menimbulkan masalah, maknanya waris yang mempesakai harta itu terpaksa mengadakan wangnya terlebih dahulu untuk membelanjakan harta pesaka itu. Kalau tidak ada timbullah masalahnya, terkenallah jual dahulu, untuk mendapat surat-surat probet tadi, dijual atas darat kata orang Terengganu, kena dijual atas darat dahulu supaya mendapatkan duit itu untuk belanja tarikh.

Saya haraplah perkara ini pihak Kerajaan menyedari tiap-tiap benda yang dibuat lebih-lebih lagi undang-undang ini ialah kerana hendak menyenangkan rakyat, tetapi kalau sekiranya perkara ini boleh menyusahkan rakyat atau perkara itu boleh mendatangkan kesusahan maka patutlah dicarikan jalan supaya menyenangkan rakyat.

Satu daripada perkaranya sebagaimana yang saya kata tadi kalau sekiranya kita telah

membuat ketetapan tarikh kecil itu ialah harta yang \$50,000 ke bawah, kalau sekiranya boleh diselesaikan oleh pihak Pejabat Tanah \$50,000 ke bawah apalah salahnya walaupun perkara itu tidak ada termasuk tanah, diberi kuasa kepada Pejabat Tanah boleh menyelesaikan sama ada si mati itu ada mempunyai tanah ataupun tidak, bolehlah diselesaikan harta-harta pesaka yang kurang daripada \$50,000, ini menyenangkan penduduk-penduduk sekalian, kerana kuasa polis yang menyelesaikan harta kurang atau tidak lebih daripada \$100 pun sudah tidak ada lagi.

Masalah yang kedua berhubung dengan orang-orang Islam di negara ini, undang-undang yang dibuat ini adalah undang-undang yang tidak dikatakan undang-undang Islam. Ini undang-undang kebangsaan, undang-undang negara, maka ia berjalan apakala ia diluluskan oleh Parlimen dan berjalanlah ia sebagai undang-undang kebangsaan. Di dalam undang-undang kebangsaan kita ini merangkumi semua adat resam, merangkumi segala tradisi dan sebagainya tidak terkhas kepada orang Islam sahaja. Jadi masalah yang selalu timbul ialah masalah orang Islam apakala membahagikan pesaka, kita orang-orang Islam macam manapun membahagi pesaka mengikut hukum Islam, kita tidak boleh bahagi pesaka selain daripada mengikut hukum Islam. Dan undang-undang itu membenarkan, hendak bahagi pesaka itu mengikut Islam pun boleh, ikut apapun boleh dengan jalan penyelesaian atau pakatan, pun boleh, sebab di dalam undang-undang ini tidak dipersyaratkan apa-apa. Sepatutnya kalau sekiranya yang mati itu orang-orang Islam hendaklah dipersyaratkan di dalam surat permohonan kuasa yang diangkat kepada mahkamah kerana itu ditentukan siapakah warisnya dan patutlah satu surat perakuan daripada Kadi mestilah dikembalikan bersama-samanya. Itu menjadi kewajipan dan kemestian kerana orang boleh buat macam-macam cara yang banyak untuk melarikan bahagian yang berhak kepada Baitulmal. Harta yang berhak kepada Baitulmal iaitu harta orang mati yang warisnya tidak cukup, maka akan menjadi hak kepada Baitulmal dan patut diserahkan kepada pihak Pejabat Agama, dan Pejabat Agama akan membelanjakannya bagi

kepentingan orang Islam di negara ini setelah ditolak yang berhak kepada waris-warisnya. Jadi bukan tugas hakim hendak menetapkan siapakah waris-warisnya apakala masuk, masuklah. Tugasnya kepada waris-warislah untuk komplek sama ada betul atau tidak waris-waris yang dimasukkan namanya itu. Kalau waris-waris itu bermufakat sama sendiri, mereka pakai senyap sahaja bahagian Baitulmal, maka jadilah begitu pembahagian harta pesaka itu.

Apakala hendak dibahagikan pesaka itu mereka akan mengangkat surat menerusi originating summons, dalam originating summons itu mereka buat permohonan dengan mengatakan ini ialah dengan jalan pakatan, atau dikatakan permohonan ini ialah berdasarkan pakatan maka sekali lagi mahkamah tidak ada halangan kerana mereka membahagi pesaka dengan jalan pakatan.

Dalam pakatan itu disebut harta yang \$100,000 ini dibahagikan seperti berikut: tanah ditolak dan diberi kepada waris si anu, rumah ditolak dan diberi kepada waris si anu, dan memohon persetujuan dari mahkamah. Mahkamah pun biasanya bertanya kepada waris-waris sama ada bersetuju atau tidak, kalau setuju permohonan itupun diluluskan dan bahagian Baitulmal pun hilang. Jadi saya nampak patutlah di dalam undang-undang ini diadakan 2 syarat: yang pertama sekali pada masa orang-orang Islam memohon surat kuasa (letters of administration) mesti diattachedkan bersama-sama surat akuan daripada kadi, siapakah yang dikatakan waris yang sebenar itu, kerana apabila seorang mati mesti tulis surat kepada kadi. Di dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak ada peruntukan itu tetapi pentadbiran hukum syarak untuk mahkamah kadi sahaja. Jadi mesti diattachedkan nama orang-orang yang berhak mendapat pesaka itu, di situ boleh tengok; kalau sekiranya ada bahagian Baitulmal tidaklah boleh lenyap sekali-kali.

Yang keduanya, apakala dijalankan pembahagian pesaka orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyebut orang yang bukan Islam, jikalau orang Islam mesti sebutkan pembahagian pesaka menurut hukum Islam, bagaimana surat perakuan daripada Tuan Kadi bagian-bagian

hukumnya. Tentang waris-waris telah bersetuju hendak membahagi harta pesaka itu dengan jalan pakatan—itu tidak mengapa, boleh dibiarkan dengan syarat mereka sudah tahu bahagiannya yang sebenar seperti \$10,000 tiba-tiba mereka suka terima \$5,000; itu mereka punya fasallah. Tetapi yang sedihnya hukum Islam yang sebenar disembunyikan. Mereka mengatakan kami memohon hendak membahagikan dengan jalan pakatan sahaja, mereka pun kemukakan O.S. nya itu kepada hakim, hakim pun baca dan setelah mereka bersetuju lalu dikeluarkan Order of the Court iaitu dengan jalan pakatan.

Jadi dengan adanya pindaan pada hari ini saya percaya perkara-perkara ini tidak dimasukkan, maka saya merayulah, sebagai seorang Islam saya merayu, iaitu di dalam hukum Islam kalau tidak dibuat pindaan seumpama itu dosa itu mengenai kepada umum, termasuk saya, sekarang saya sudah terlepas sebab saya sudah bersuara, terpulanglah kepada pihak Kerajaan dan sebagainya.

Dua perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama dalam masa mengangkat permohonan surat-surat kuasa, dalam masa mengemukakan letters of administration itu hendaklah dikemukakan surat akuan kadi yang menyatakan siapakah waris-waris yang sebenar yang berhak kepada pesaka si mati itu. Yang kedua dalam masa membahagikan pesaka ini, menerusi Originating Summons kepada Mahkamah. Inilah dua rayuan saya dan saya berharap pihak Kerajaan memandang perkara ini adalah perkara yang besar kerana perkara-perkara yang berhubung dengan hukum Syarak lebih-lebih lagi berhubung dengan harta manusia, berhubung dengan harta orang Islam. Ini bukan perkara kecil walaupun satu sen, tidak boleh dihilangkan sama sekali. Sekianlah sahaja, terima kasih.

4.24 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk menyertai perbahasan mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.

Dalam masalah ini pada pandangan saya baik tetapi kadangkala masalah yang seperti ini adalah merumitkan juga, sedangkan kepada bilangan yang \$10,000 itu jika si mati meninggalkan hartanya pun telah membangkitkan satu kerumitan, inikan pula dinaikkan kepada \$50,000. Maka dengan demikian apa yang diharapkan supaya perkara ini dapat menyelesaikan hendaklah diteliti benar-benar sebab perkara ini bukanlah satu perkara yang ringan. Dalam masalah yang rumit dapat saya bayangkan secara ringkas sahaja, kalau hendak diperkatakan memang panjang masalahnya. Dalam bahagian pertama waris-waris memang payah hendak mendapat penjamin maka payahlah untuk menyelesaikan dan menjadi lebih lama dalam menyelesaikan harta itu sehingga tidak dapatlah menyelesaikan dan memakan waktu yang lama. Dalam bahagian yang kedua, apa lagi jika waris itu berlaku umpamanya kepada masyarakat luar bandar maka paling menyusahkan lagi bagi mereka yang tidak memahami untuk mencari penjamin dan membuat penyelesaian.

Dengan demikian saya tidak hendak menyatakan dengan lebih panjang, samalah seperti yang saya katakan tadi apa yang penting ialah pegawai-pegawai yang cekap dan faham benar-benar untuk dapat menyelesaikan masalah ini. Inilah yang amat penting sekali disediakan supaya jangan sampai memakan masa yang lama untuk menyelesaikan masalah pembahagian tersebut ini.

Saya beralih kepada perkara yang kedua, dari segi undang-undang Islam, sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim tadi memang tepat pernah berlaku. Dari segi undang-undang Islam juga patutlah dapat dibuat kajian yang mendalam yang sama pula seperti pernah berlaku di satu tempat, sebuah Pejabat Daerah telah membuat penyelesaian maka hendaklah penyelesaian ini dapat diselaraskan dengan Jabatan Agama di tempat tersebut supaya jangan ada berlaku di setengah tempat Jabatan Agama sudah meluluskan dalam pembahagian ini tetapi amat malang sekali bila pergi ke Pejabat Daerah perkara ini tidak dapat diselesaikan. Kadangkala Pejabat Daerah telah menyelesaikan tetapi bila sampai ke Pejabat

Agama pembahagian pesaka secara yang teliti tidak dapat diselesaikan. Masalah ini juga berlaku selalu tergantung-gantung kepada harta waris penjaga si mati itu maka menjadi satu masalah yang rumit.

Jadi inilah saya tekankan dalam membahaskan Rang Undang-undang ini sebelum saya memberi sokongan, patutlah diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya diselaraskan pembahagian ini, apa lagi jika kematian itu berlaku kepada umat Islam.

Sekian sahajalah secara ringkas dalam memberi sokongan ke atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.

4.29 ptg.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959.

Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan ini ialah kerana saya fikir disebabkan semua benda yang ada di dalam negara kita ini sekarang telah meningkat nilainya kerana kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan sekarang. Misalnya dalam kampung-kampung di luar bandar dengan adanya pembangunan seperti jalan raya, begitu juga harga getah dan padi yang telah naik, jadi difikirkan oleh Kerajaan adalah tidak sesuai lagi untuk memberi nilai-nilai seperti yang dahulu. Jadi dicadangkan supaya daripada \$10,000 dinaikkan kepada \$50,000 dengan tidak payah mendapat sekuriti. Tetapi, pada pendapat saya walaupun had \$10,000 sekarang dikecualikan daripada sekuriti tetapi masih banyak harta pesaka belum lagi terselesai. Mengapa? Ini soalnya; mengapa harta pesaka daripada datuk nenek, saya tahu sayapun akan menerima harta pesaka tetapi tidak selesai sampai 20 tahun. Ini ada sebabnya. Tiap-tiap kita orang Islam mengikut hukum syarak. Jikalau mengikut hukum syarak dibahagikan harta ini mengikut hukum syarak maka si lelaki akan mendapat lebih daripada perempuan. Apabila hendak membayar untuk menyelesaikan harta pesaka ini, masing-masing diam. Bukan semuanya berpendapatan yang sama. Dengan itu jikalau lebih daripada \$50,000 harta pesaka yang akan

diterima oleh waris, kena pula mendapat sekuriti. Sekuriti ini mungkin atas jaminan atau meminjam tanah daripada lain yang boleh dinilai sebanyak yang ditaksir di dalam harta pesaka ini oleh Pejabat Tanah.

Saya fikir \$50,000 ini tidak mencukupi, patut ditimbangkan kepada satu jumlah yang menasabah sebab harta sekarang kita lihat hari-hari Dewan ini berbincang berkenaan dengan harga rumah, bulan Januari harganya sekian, bulan Mac harganya sekian, bertambah. Kalau kita orang Islam mati di dalam bandar harta pesaka yang kita tinggal tidak boleh dinilai sepertimana yang kita beli semasa 4-5 tahun dahulu. Tentulah pihak penilai akan nilaikan mengikut harga yang ada sekarang. Jadi undang-undang ini sama ada dapat diselesaikan, wajib. Tujuan undang-undang ini ialah hendak menyelesaikan, bagaimana hendak melaksanakan harta pesaka yang ada sekarang di Tanah Melayu yang masih tidak dapat diselesaikan. Jadi adakah dengan kenaikan kepada \$50,000 daripada \$10,000 dapat masalah seperti tadi diselesaikan oleh Kerajaan atau oleh waris-warisan yang menerima harta pesaka.

Oleh sebab masa telah pun berubah kita patutlah menimbangkan mengikut keadaan yang ada sekarang. Saya telah membawa perkara ini semasa membahaskan Belanjawan iaitu berkenaan dengan keadaan yang dipimpin dan dirancangan oleh Kerajaan yang sejak daripada Merdeka sampai sekarang telah memberi banyak nikmat kepada rakyat luar bandar iaitu dengan mengadakan jalan dan harga padi yang meningkat sebab adanya jalan dan keadaan telah berubah daripada masa kita sebelum merdeka.

Saya harap kepada Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan sama ada \$50,000 yang kita naikkan ini menasabah atau dapat menimbangkan semula untuk menaikkan lebih daripada \$50,000 supaya menyenangkan waris-warisan yang akan menerima harta pesaka.

Jikalau kita hendak bercakap masalah hendak memberi harta pesaka kepada waris-warisan ini banyak kesulitannya jikalau hendak diterangkan di sini, bermacam-macam kesulitan. Inilah yang saya harapkan kepada

Menteri, sungguhpun nilai exemption daripada tax sekarang telah diberi oleh Kerajaan berkenaan dengan harta pesaka sebanyak \$300,000 tetapi maksud saya mengambil harta pesaka iaitu Letter of Administration sepatutnya dinaikkan supaya orang-orang kampung, orang-orang luar bandar dapat datang ke tengah dan menyelesaikan berkenaan dengan hal harta pesaka dan waris-warisan yang miskin dan tiada duit akan menerima harta pesaka itu dengan senang diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.36 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan memberi pandangan terhadap Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Yang Berhormat Senator Yap Peng dan juga Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim serta Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Hussein Noordin telah meminta supaya jumlah ataupun amaun \$50,000 ini ditambahkan supaya menjadi lebih besar dan mereka telah memberi sebab-sebab, antaranya ialah inflasi sekarang dan banyak harta-harta pesaka jumlah nilainya lebih daripada \$50,000.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita ingat iaitu kalau jumlah itu ditambah terlalu besar maka ada risikonya, iaitu Penguasa-penguasa akan menjalankan tugas-tugas dengan tidak sempurna ataupun teratur seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan kalau ini berlaku maka tak dapatlah kita berpegang kepada sekuriti atau penjamin-penjamin bagi membaiki kedudukan. Maka kalau penyelewengan seperti itu berlaku, yang

menderitanya ialah waris-waris, terutama yang kita hendak jaga sangat ialah waris-waris yang belum cukup umur. Bagaimanapun, saya beri jaminan di sini jumlah \$50,000 ini boleh kita kaji untuk diperbesarkan lagi dari semasa ke semasa dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara itu akan diambil ingatan.

Senator Yap Peng juga meminta supaya tugas-tugas Pemegang Amanah Raya diberitahu, dihebohkan secara lebih meluas kepada rakyat jelata. Mengenai perkara ini sukalah saya mengatakan bahawa Jabatan Pemegang Amanah Raya dari semasa ke semasa memanglah ada membuat hebohan meluaskan pemberitahu kepada rakyat supaya lebih ramai orang-orang kita mengetahui tentang pertolongan yang diberi oleh Pemegang Amanah Raya kepada orang ramai.

Mengenai dengan pegawai-pegawai, dari semasa ke semasa pihak Pemegang Amanah Raya memanglah ada membuat permohonan supaya ditambah bilangan pegawai-pegawai. Jadi ada kalanya permohonan itu diluluskan sepenuhnya dan ada kalanya sebahagian sahaja daripada bilangan yang dipohon itu diluluskan oleh pihak Kerajaan. Bagaimanapun, pihak Jabatan Pemegang Amanah Raya akan terus-menerus memohon lebih ramai lagi kakitangan untuk membereskan kerja-kerja yang banyak, yang makin bertambah dari satu masa ke satu masa.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim juga menimbulkan perkara tarikh kecil dan memohon supaya tarikh-tarikh yang tidak mempunyai harta yang tidak bergerak seperti tarikh-tarikh yang tidak terlibat tanah juga dimasukkan dalam tarikh kecil sekiranya tidak melebihi jumlah seperti yang ditetapkan dalam Undang-undang Tarikh Kecil. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan diambil ingatan. Mengenai dengan hubungan ini juga patutlah saya sebutkan iaitu pada masa sekarang kalau satu-satu tarikh nilainya tidak melebihi daripada \$50,000 sama ada bergerak atau tidak bergerak ataupun kedua-duanya sekali, bergerak bersekali dengan tidak bergerak, maka boleh sesiapa memohon kepada Jabatan Pemegang Amanah Raya untuk mentadbirkan tarikh-tarikh seperti itu dengan kuasa yang istimewa

yang diberi oleh undang-undang kepada Pemegang Amanah Raya dan pentadbiran ini dapat dibereskan dengan cepatnya pada masa sekarang.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang Berhormat Senator itu juga bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah meminta supaya hak Baitulmal dipelihara dalam soal pembahagian harta-harta tarikh. Mengikut amalan biasa dan daripada pengalaman saya sendiri semasa saya menjadi lawyer dahulu, seseorang hakim itu tidak akan memberi order untuk membahagi harta tarikh kepunyaan orang Islam selagi tidak dikemukakan surat faraid ataupun surat pembahagian daripada Khadi ataupun Pejabat Agama. Jadi surat faraid inilah akan menunjukkan sesiapa waris-waris yang berhak dan berapa banyak syer ataupun bahagian masing-masing berhak sttelah melihat surat faraid itu maka barulah biasanya hakim mengeluarkan order ataupun perintah membahagikan tarikh-tarikh seperti yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Seri Hussein juga menimbulkan perkara kelambatan di dalam soal membereskan harta pesaka pada masa ini dan katanya boleh jadi satu daripada sebab-sebab kelambatan ialah oleh kerana susah bagi pihak waris-waris sekarang mendapat penjamin-penjamin. Seperti saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dapat dikaji dari masa ke semasa dan amaun dapat ditambah lagi apakala didapati menasabah dan berpatutan. Bagaimanapun perlulah saya memberi tahu di sini bahawa sebab-sebab kelambatan dibereskan ataupun diselenggarakan harta-harta pesaka ini adalah disebabkan banyak faktor.

Umpamanya, faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan ialah waris-waris di antara mereka tidak memberi kerjasama kepada pihak mahkamah ataupun pentadbiran. Yang kedua, mereka tidak dapat membayar duti ataupun tax di atas harta pesaka ini, yang ketiganya susah hendak dijumpai waris-waris yang berhak dan lain-lain faktor lagi. Jadi faktor kesushahan mendapatkan penjamin ini bukanlah satu

faktor yang besar yang menyebabkan kelambatan untuk diselenggarakan kes-kes harta pesaka ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, 1957 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini adalah bertujuan untuk meminda Jadual Pertama, Seksyen 10 Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Jadual Pertama yang akan dipinda adalah meliputi perkara-perkara mengenai gaji atau elaun tetap Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan yang meliputi

Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman, Perkhidmatan Keretapi, Perkhidmatan Pasukan Polis dan Perkhidmatan Pelajaran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum gaji atau elaun tetap kepada Pengerusi, Timbalan-timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dipinda kali terakhir pada tahun 1979. Selaras dengan kenaikan gaji dan elaun-elaun bagi kakitangan awam yang telah berkuatkuasa pada bulan Julai tahun ini adalah mustahak bagi Pengerusi-pengerusi, Timbalan-timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya a-suruhanjaya Perkhidmatan diberi gaji atau elaun tetap yang baru dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi setaraf dengan darjat mereka. Di samping itu suka disebutkan di sini bahawa elaun derebar telah dikeluarkan daripada Jadual Pertama dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua. Jika pindaan ini dibuat ianya akan menjadikan pindaan ini lebih panjang lagi. Perkara ini tidak melucutkan apa-apa hak elaun derebar Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya tersebut. Pindaan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan yang dikuatkuasakan sekarang adalah berasas kepada syarat bahawa mereka memberi perkhidmatan sepenuh masa kepada Suruhanjaya masing-masing dan mereka dilarang bergiat dalam kerja-kerja luar di luar bidang tanggungjawab Suruhanjaya. Sejak pelaksanaan sekatan kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan telah berlaku beberapa perletakan jawatan dan Kerajaan menghadapi sedikit kesulitan untuk mendapatkan pengganti-penggantinya yang sesuai oleh kerana saraan dan elaun-elaun yang ditawarkan adalah tidak begitu memuaskan untuk menarik calon-calon yang sesuai dan berkualiti. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan penglibatan kepada suruhanjaya masing-masing dan bagi mengelakkan daripada perletakan jawatan dan kesulitan untuk mendapatkan pengganti-pengganti yang sesuai maka adalah perlu bagi Kerajaan menyemak dan memperbaiki gaji dan elaun bagi Pengerusi, Timbalan

Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan seperti yang dibentang secara lebih baik dan dapat menarik golongan ikhtisas untuk menyumbang tenaga dan pengalaman mereka ke dalam Suruhanjaya-suruhanjaya yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama satu Akta. Untuk meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

5.23 *ptg.*

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, 1957.

Dalam sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini bagi mengubahsuaikan gaji dan elaun-elaun Pengerusi-pengerusi dan Timbalan-timbalannya serta Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya selaras dengan kenaikan gaji pegawai perkhidmatan awam di bawah Suruhanjaya Gaji Kabinet tidak lama dahulu, saya berharap Ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya itu dapat menjalankan tugas-tugas mereka secara objektif adil dan saksama. Saya berpendapat kenaikan ini adalah wajar memandangkan beratnya tanggungjawab mereka seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi.

Sebagaimana yang kita tahu salah satu objektif Dasar Ekonomi Baru ialah penyusunan semula masyarakat untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi ataupun pekerjaan. Dalam menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru ini Suruhanjaya-suruhanjaya memainkan Peranan yang penting dalam pelaksanaannya. Memandangkan hal ini ahli-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya mempunyai tugas dan

tanggungjawab yang berat terutama di sektor perkhidmatan awam. Adalah benar bahawa sektor ini masih jauh dari mencerminkan komposisi kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai agensi yang boleh bergerak secara bebas, saya berharap Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berlainan akan memberi tempat yang sewajarnya bagi pemohon-pemohon pekerjaan berdasarkan kelulusan dan kelayakan mereka tanpa mengira kaum. Dengan cara ini hanya dapat memupuk sifat berkhidmat untuk negara di kalangan kakitangan dengan harapan mereka akan berkhidmat dengan penuh semangat dan kesetiaan dan seterusnya meninggikan lagi taraf profesionalisma perkhidmatan awam. Tidak siapapun akan dapat menafikan bahawa dalam bahawa Ingeris (Dengan izin): The people are not getting what they want easily and quickly.

Masalah yang sering dikemukakan ialah kekurangan kakitangan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bukanlah kekurangan kakitangan. Apa yang harus dibetulkan di pejabat-pejabat ialah penyelarasan atau kordinasi dan disiplin. Saya berpendapat banyak hal-hal ini yang berlaku di pejabat-pejabat tertentu barangkali tidak diketahui ataupun kurang difahami oleh Suruhanjaya-suruhanjaya. Kita harus berusaha mewujudkan jentera perkhidmatan yang seimbang dan cemerlang agar segala daya usaha dalam segenap lapisan masyarakat dapat digembelngkan untuk kemajuan dan pembangunan negara sejajar dengan dasar Kerajaan kita. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir.

5.28 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana kelulusan dan keizinan saya bercap sepatah dua di Dewan yang mulia ini.

Dalam menyokong Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957, terlebih dahulu saya suka

memberi penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Ali-ahli Suruhanjaya-suruhanjaya yang ada di masa lalu yang saya percaya mereka juga telah melaksanakan tugas dengan cekap, adil dan bijaksana atas usaha dan kerja mereka yang begitu berat, sudah sepatutnya pindaan perubahan gaji yang diutarakan di hari ini dibuat sudah lama dahulu sebelum daripada Kerajaan mengkaji ataupun membuat pindaan terhadap Gaji Kabinet diluluskan beberapa masa yang lampau. Walaupun suruhanjaya seperti yang diketahui umum adalah badan yang bebas yang tidak boleh dipersoalkan, namun begitu ini adalah sebagai pandangan berdasarkan pengalaman yang saya ketahui sedikit-sebanyak dengan harapan suara ini dapatlah hendaknya pihak suruhanjaya berkenaan apabila melaksanakan tugas dalam usaha memilih calon-calon untuk berkhidmat di dalam apa juga jurusan pentadbiran, akademik dan seumpamanya perlulah diteliti, bukan sekadar hanya kelulusan akademik itu sahaja tetapi seelok-eloknya hendaklah diperhatikan dari segenap sudut supaya calon-calon yang dipilih dan berjaya kelak akan menggambarkan sejelas-jelasnya selain daripada menunaikan kewajibannya ia menggambarkan kedudukannya sebagai seorang yang penuh mempunyai rasa tanggungjawab dan dedikasi.

Adalah didapati di dalam sedikit masa kebelakangan setelah calon-calon itu dipilih entah bagaimana padahal mereka membuat permohonan untuk bekerja dan berkhidmat dengan ikhlas kepada Kerajaan yang ada sekarang iaitu terus terang saya sebutkan ialah Kerajaan Barisan Nasional, tetapi tidak berapa lama kemudiannya ternyata ada terdapat di antara mereka yang seolah-olah bila sudah berkhidmat, seolah-olah Kacang lupukan kulit, bukanlah saya kata mereka menentang, tetapi sebagai satu cara ada duri di dalam daging ketika mereka melaksanakan tugas mereka itu. Jadi ini bukan saya hendak menyentuh sebab saya sudah sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Suruhanjaya adalah badan yang bebas, namun begitu adalah harapan bukan sahaja barangkali Dewan ini, tetapi pihak rakyat juga hendak memerhatikan siapakah orang yang diterima oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat kepada

rakyat, berkhidmat kepada negeri dan pemerintah secara yang dikehendaki oleh Kerajaan dewasa ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita dapat melihat bukan sekadar tingkah laku, barangkali pakaian-pakaian juga ternampak bukanlah satu hal yang tidak dapat diterima oleh masyarakat ketimuran, tetapi kadang-kadang tidak boleh diterima langsung, apatah lagi bagi mereka yang berkhidmat di luar negeri di bawah Kedutaan dan sebagainya. Kerana saya dapati di satu masa saya berada di luar negeri salah seorang daripada pegawai tinggi dalam satu Kedutaan, bukan sahaja kadar pakaian yang saya rasa tidak sesuai menggambarkan ala Malaysia, bahkan tingkah laku dan rambut yang begitu panjang juga sangat tidak menarik perhatian saya yang saya sebut bukan sebagai ala Malaysia atau pemerintahan Malaysia.

Kalau saya bawa hal ini dari sudut agama, izinkan saya sebut suatu pesanan Rasullullah s.a.w. yang berbunyi: *Khuzu min syakrikum wastaku watazaiyalu fainna Bani Israil alam yafallu zalika fazanat misaihum*. Dalam hal pakaian, dalam hal persolekan tubuh badan Rasullullah s.a.w. berkata: cubalah kamu sikatkan rambut kamu itu elok-elok. Jadi, bermakna ini pihak agama tidak menegah sesiapa juga yang menyimpan rambut panjang apatah lagi orang muda-muda, kalau dia menyimpan rambut panjang mungkin kalau disikat disolek nampak manis, kemas dan sesuai. Tetapi keadaan yang saya sebut ini ialah rambutnya tidak disikat, sedangkan Rasullullah kata: *Khuzu min syarikum, sikatlah rambut kamu itu elok-elok, kalau tidak mahu pakai apa-apa minyakpun barangkali banyak sekarang ini mengikut Code 10kah, Yardley, Brycream dan sebagainya terdapat banyak di pasaran kita barangkali ini suatu usaha yang sangat baik dan itu menggambarkan tidaklah sangat keterlaluan jauh daripada ala Malaysia. Itu yang saya hendak supaya orang yang menyimpan rambut panjang itu biarlah gunakan sedikit kesolekannya dengan menyikat rambut sepertimana yang dikehendaki oleh agama "wastaku" gosok gigi, "watazaiyalu"¹ bersolek sedikit semoga nampak kemas, lawa dan inilah yang boleh menimbulkan cara kegemaran orang-orang Timur khususnya*

Malaysia, orang Melayu dan orang-orang yang ada dalam Malaysia gemar melihat sedemikian rupa. Bukanlah cara bentuk yang dibawa dari luar, tiupan angin sama ada kuning, dari barat dan sebagainya. Tetapi hendaklah kita bawa contoh ini supaya dapat kalau orang itu atau pegawai itu bekerja di luar-luar negeri orang lain akan lihat bahawa diannya itulah bentuk ala Malaysia ataupun rakyat Malaysia.

Saya bukan hendak menyentuh kuasa yang ada di dalam Suruhanjaya-suruhanjaya barangkali Suruhanjaya dapat melihat-lihat, memerhati dalam segenap sudut bukan sahaja atas kelulusan akademik yang ada kepadanya, tetapi barangkali dalam aspek lain, tingkah laku, budi pekerti, tutur bahasa, adap sopan dan sebagainya, semuanya itu harus dikaji apatah lagi di mana saya dapati sekarang ini separuh-paruh negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri harus merasa bukan kata dukacita tetapi melihat mereka yang telah diterima sepertimana saya sebut tadi menjadi sebagai suatu duri di dalam daging pula melaksanakan tugas tidak sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan dewasa ini. Jadi hal inilah lebih baik pihak Suruhanjaya-suruhanjaya sama ada Public Services Commission atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Judicial and Legal Services Commission, Railway Services Commission, Police Services Commission dan begitu juga Education Services semuanya itu saya tujukan dengan harapan semoga memerhatikan sedalam-dalamnya sebelum orang-orang yang kita harus terima itu berkhidmat dalam jurusan yang tertentu.

Saya tidak tahu apa yang seharus dibuat setelah kita dapati ada di antara mereka sepertimana saya sebut orang itu telah diterima berkhidmat tidak berapa lama dia menjadi satu masalah barangkali ini haruslah dipulangkan kesnya kepada Suruhanjaya juga sama ada hendak turunkan pangkatnya itu terpalang tetapi ini pun difikir sedalam-dalam seandainya ada mereka yang bersifat demikian diambil perhatian berat oleh pihak Services Commissions.

5.38 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama

dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

Sepanjang yang saya masih ingat Pengerusi Perkhidmatan Awam masih belum diumumkan secara rasmi setelah Pengerusi lama bersara dan dipangku oleh Timbalan Pengerusi dan kalau saya salah saya minta dibetulkan, kalau sekiranya Pengerusi itu masih belum wujud patutlah jawatan itu dipenuhi.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Perkhidmatan Awam dia mempunyai satu fungsi yang asing, yang tertentu dan dia juga menjadi Pengerusi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Rasa saya tanggungjawabnya adalah berat kerana dia mempunyai dua Suruhanjaya, nisbah pada gaji sebagaimana yang kita maklum bahawa dia memperoleh \$4,660 berbanding dengan lain-lain Pengerusi Perkhidmatan Suruhanjaya ialah sebanyak \$4,210. Jadi adakah \$450 itu diperuntukkan sebagai khidmatnya sebagai menganggotai Pengerusi Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Kalau ini caranya imbuhan yang diberi itu tidak mencukupi, sebab dia mempunyai dua lunas, satu Perkhidmatan Awam dan satu lagi Pengerusi Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Jadi kalau itu fungsi yang dikehendaki oleh Kerajaan kita, saya merayu bahawa imbuhan gajinya patut kita timbangkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Perlembagaan, Artikel 146—di negeri Brunei Pengerusi Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang adalah diketuai oleh Hakim Besar Mahkamah Tinggi Brunei tetapi bila berbalik semula kepada Tanah Melayu atau Malaya atau Semenanjung, Pengerusi Perkhidmatan Undang-undang dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi setelah 17 tahun penyelarasan Perlembagaan kita ini masih belum dibuat. Artikel 138 Perlembagaan Persekutuan, dengan izin: "Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang, di antara lainnya, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang akan menjadi Pengerusi." Bila kita

bandingkan Artikel 146A, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang di Negeri-negeri Borneo, Pengerusinya adalah Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo yang akan menjadi Pengerusi.

Di dalam masa kita mengkaji konteks Perlembagaan bahawa keadaan kita ada mempunyai dua kedudukan. Perbezaan yang nyata di antara Semenanjung Malaysia dengan Borneo, Sarawak dan Sabah. Perbezaan ini patut tidak wujud lagi setelah 18 tahun kita merdeka. Jabatan Undang-undang atau khasnya Menteri yang mengelolakan undang-undang dalam negara kita ini patut merumuskan kepada Kerajaan supaya Perlembagaan kita dipinda dan kalau sekiranya wujud kehendak supaya Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan kehakiman di Borneo itu Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Brunei, di Malaya atau di Semenanjung juga hendaklah mengikut seperti itu.

Pada nilai perkhidmatan seorang ahli undang-undang atau seorang ahli kehakiman konsepnya berbeza dengan seorang perkhidmatan awam. Jadi saya takut kalau-kalau keadaan ini berpanjangan dan tidak diperbaiki, mutu kehakiman dan cara perlantikan adalah berbeza walaupun Kerajaan menyenaraikan syarat-syarat dan peraturan yang mesti dituruti, akan tetapi cara pemilihannya berlainan. Saya menyarankan kepada Kerajaan supaya Perlembagaan dipinda untuk menyelaraskan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyentuh Pengerusi Perkhidmatan Tentera dan juga Pengerusi Perkhidmatan Polis, peruntukan ada mengecualikan iaitu Menteri yang berkenaan adalah menjadi Pengerusi dalam Suruhanjaya tersebut sama ada Menteri Pertahanan kelak akan menjadi Pengerusi Suruhanjaya Tentera dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan menjadi Pengerusi dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Polis; yang lain tidak boleh, Ahli Parlimen yang lain juga tidak boleh. Saya tidak nampak kenapa Menteri yang berkenaan patut menjadi Pengerusi Perkhidmatan Polis ataupun Menteri yang berkenaan dengan pertahanan negara untuk menjadi Pengerusi

dalam Perkhidmatan Suruhanjaya Tentera. Saya tidak nampak mengapa kedua-dua Menteri ini perlu wujud sebagai Pengerusi sedangkan dalam perkhidmatan lain yang sama dalam negara adalah dipengerusikan oleh orang yang berasingan daripada Menteri.

Adakah kita masih tidak percaya kepada seorang yang paling tinggi yang menguasai Polis sebagai Pengerusi Suruhanjaya Polis atau kita tidak percaya kepada seorang yang menguasai pertahanan dalam negara ini menguasai, menimbang kenaikan pangkat, kedudukan struktur kenaikan pangkat Jeneral umpamanya daripada seorang yang penuh tanggungjawab dalam tentera. Ini pun saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi pada masa negara kita baru merdeka kita menggubal Perlembagaan, boleh jadi kita kekurangan pegawai tinggi yang penuh tanggungjawab atau kita pinjam kakitangan negara-negara asing mengetuai Jabatan Polis ataupun tentera kita. Tetapi sekarang sudah 17 tahun, masuk ke 18 tahun kita masih di takuk lama lagi.

Saya tidak bercakap dalam Bil yang berasingan dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Jabatan Undang-undang sendiri pun apabila mengeluarkan setengah-setengah Bil dalam Dewan ini meninggalkan Sabah dan Sarawak, didahulukan Semenanjung Tanah Melayu dahulu, beberapa lama kemudian baru dipinda satu Bil lagi, walaupun langkah itu langkah bijak tetapi rakyat boleh memikirkan mengapa rakyat Sabah dan Sarawak tidak disamakan bila diwujudkan undang-undang dalam Dewan ini. Umpamanya, Bil Taman Negara, tidak termasuk Sabah dan Sarawak sedangkan Sabah dan Sarawak tiga suku daripada negaranya masih penuh kekayaan tumbuh-tumbuhan, tidak diwujudkan satu undang-undang yang sama dalam Bil yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kehakiman atau Kementerian Undang-undang yang sudah tidak wujud lagi itu hanya menjadi tempat tohmah, tempat yang diperkatakan oleh seseorang Ahli Dewan ini atau Dewan Rakyat tidak ada kemampuan dan sebagainya bagi menterjemahkan undang-undang. Undang-undang tahun 1967 sahaja beribukan Bahasa Malaysia sedangkan

undang-undang yang sebelum daripada itu masih dalam bahasa Inggeris yang masih belum diterjemahkan. Apabila sampai peruntukan tahunan barulah menambah pegawai 3-4 orang dan dicakap mengaku kepada Dewan ini akan menterjemahkan sedangkan tenaganya cuma ditambah 6 orang sahaja. Ini satu bukti yang nyata, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap ikhlas sebagai Ahli Dewan dengan tidak menaruh perasaan prasangka kepada sesiapa tetapi menjadi kewajipan memperkatakan sesuatu yang benar walaupun pahit. Saya berdasarkan apa yang ada dalam Perlembagaan. Walau bila-bila masa saya sentiasa mendesak supaya perkara undang-undang atau Bil yang kita catatkan di dalam ini diselaraskan dan saya mohon Kerajaan menimbangkan jikalau perlu lagi dipinda Perlembagaan yang boleh menanggalkan seseorang Menteri yang bertanggungjawab dengan Pasukan Polis atau Tentera daripada menjadi Pengerusi masing-masing. Saya rasa banyak, setelah 17 tahun 18 tahun negara kita tidak kekurangan kakitangan, pegawai-pegawai cemerlang khidmatnya.

Baru-baru ini INTAN sendiri telah mengeluarkan siswazah, intan berkilau untuk mewujudkan pegawai yang dedikasi, pegawai yang berkebolehan bukan sahaja dalam mentadbirkan jawatan masing-masing tetapi juga menyarankan kehendak negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja perkara yang saya hendak bangkitkan dan saya mohon perhatian Kerajaan dalam masalah ini dan saya dengan rasa rendah hati menyokong Bil ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mahmoud Salim.

5.52ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun terakhir, saya berpeluang juga mengambil bahagian di dalam perbahasan Bil yang dibawa di hadapan Dewan yang mulia pada hari ini.

Saya nampak ada dua Bil yang bersamaan rang hendak dibahas di dalam masa yang sama iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) nombornya DR 45/

80 yang kita bahaskan. Yang satu lagi lepas ini hendak dibahas pula DR 44/80 Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan).

Saya sudah kaji kedua-dua tujuan dan isinya dan didapati lebih kurang sama sahaja. Selepas undang-undang ini maka akan dibahas Bil Suruhanjaya Pilihanraya pula. Itu terpulanglah kepada pihak Kerajaan sama ada hendak membuat dua Bil, 3 Bil—itu hal dia. Dewan ini cuma membahas sahaja dan berhak memberi pandangan. Kalau pada pandangan saya, saya nampak kurang bijaklah. Sepatutnya satu sahaja kerana maksud kedua-dua bil ini adalah sama, lebih-lebih lagi di dalam Akta yang kita bahaskan ini iaitu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Tahun 1957. Di dalamnya ada mengandungi 5 Suruhanjaya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Kehakiman, Suruhanjaya Keretapi, Suruhanjaya Polis dan Suruhanjaya Pelajaran. Manakala undang-undang atau Bil yang akan kita bahaskan kemudian ini mengandungi satu Suruhanjaya sahaja iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Mengapa tidak dimasukkan Suruhanjaya Pilihanraya ini di dalam Bil ini jadikan enam, senang sahaja.

Kalau kita melihat kepada tujuannya, tujuan yang dibuat Bil ini atau Akta ini sama sahaja. Tujuan Rang Undang-undang ini sama sahaja iaitu meminda untuk menyelaraskan gaji Pengerusi dan elaun tetap ahli-ahli Suruhanjaya dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di bawah penyemakan gaji baru. Yang ini pun begitu dan yang itu pun begitu, sama. Jadi kepada saya, walaupun saya bukan ahli undang-undang, saya cuma boleh kritik sahaja, kalau diterima oleh ahli undang-undang, terimalah. Kalau tidak terima, sudahlah. Tetapi menurut kritik saya, ini tidak kenalah, menghabiskan masa sahaja. Selepas kita bahas, sesudah habis dibahas, orang itu orang ini beri fikiran begitu begini, timbul pula satu undang-undang atau akta yang sama hendak dibahas pula, perkara itu juga. Jadi tidak bijaklah, pada pendapat saya.

Keduanya, berkenaan dengan gaji dan elaun yang hendak dibahas itu, kalau

dilihat di sini apa yang disyorkan itu pihak saya sangat-sangat menyokong syor yang dikemukakan oleh Kerajaan iaitu Pengerusi Suruhanjaya itu kebanyakannya hendak diberi atau hendak diangkat kepada \$4,210, Suruhanjaya Keretapi \$4,210, Suruhanjaya Pelajaran \$4,210, Suruhanjaya Pilihanraya \$4,210 juga. Manakala ahli-ahlinya hendak diangkat pula kepada \$2,040. Yang berlainan sedikit yang disyorkan di sini ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Entah mengapa sebab, saya tidak tahulah, saya tidak membangkang, lagi tinggi diangkat, lagi saya sokong, kerana sebagaimana saya katakan tadi Suruhanjaya-suruhanjaya ini orang bebas, kalau diberi kepadanya gaji atau elaun yang lagi baik, lagi bagus supaya kebebasannya bertambah-tambah bebas dan pekerjaannya bertambah-tambah lagi dedikasi dan ikhlas. Tetapi saya tidak mengerti di antara enam Suruhanjaya yang disyorkan kepada Dewan ini hendak diberi gaji dan elaunnya hanya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sahaja ditinggikan daripada yang lain. Lain-lain Pengerusi Suruhanjaya semuanya mendapat \$4,210 melainkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dinaikkan \$450 menjadi \$4,660. Apa sebab wallahualam, saya tidak tahu. Bukan Pengerusinya sahaja naik, tetapi juga ahli-ahlinya. Ahli Suruhanjaya yang lain-lain \$3,040 melainkan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dinaikkan \$3,310 naiknya \$270. Bernasib baiklah mereka dan saya ucapkan tahniah. Itulah saya katakan tadi kalau disamakan, pihak saya adalah menyokong dan saya percaya rakan-rakan saya di dalam Dewan ini tidak ada yang membangkang, semua sekali akan menyokong belaka. Walaupun elaun Ahli-ahli Dewan ini \$2,000—tidak apa, tetapi kita menyokong ahli-ahli Suruhanjaya ini supaya dinaikkan lagi kerana mereka itu orang bebas, orang yang ternama dan mudah-mudahan mereka itu bekerja lebih cekap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kemuskilan saya, saya minta maaf, saya selalu ada kemuskilan tetapi kemuskilan saya ini barangkali boleh dijawab dengan senang sahaja oleh pihak Menteri, saya tahu. Tetapi walau macam manapun, saya nampak kadang-kadang pihak Kementerian melakukan

sesuatu perkara itu walaupun perkara itu dipandang kecil tetapi di sisi saya besar. Kedua-dua Bil yang di hadapan kita ini iaitu Akta kerana meminda Suruhanjaya. Semua naskah sahnya dalam bahasa Inggeris. Kedua-duanya bahasa Inggeris kerana undang-undang ini dibuat dalam tahun 1957 belum merdeka barangkali. Kita merdeka pada 31hb Ogos, 1957. Barangkali undang-undang ini sebelum bulan Ogos. Boleh jadi bulan Januari, sebab itu dibuat dalam bahasa Inggeris. Kalau ia dibuat selepas merdeka, tentulah ianya di dalam Bahasa Malaysia.

Apakala hendak dipinda, oleh kerana akta ibunya di dalam bahasa Inggeris maka pindaan ini dibuat di dalam bahasa Inggeris. Walaupun lima enam baris masih menggunakan bahasa Inggeris juga. Tetapi yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, di antara dua Bil ini tidak sama dibuat begitu. Pindaan itu satu dibuat dalam Bahasa Malaysia dan satu lagi dibuat di dalam bahasa Inggeris iaitu tentang dua suruhanjaya ini. Kalau kita tengok di dalam Rang Undang-undang yang mengandungi lima suruhanjaya iaitu akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Tahun 1957. Tengok Seksyen 2, "Jadual Pertama kepada Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957 adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut". Apa benda yang digantinya?

"FIRST SCHEDULE"

(Section 10)

A PUBLIC SERVICES COMMISSION

1. Chairman:

Salary.

dan seterusnya sampai ke akhir. Jadi kesemuanya (A), (B), (C), (D) sampai akhir dalam bahasa Inggeris.

Tetapi kalau kita tengok Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya ini pula kita dapati: "Jadual Pertama kepada Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

JADUAL PERTAMA" Tidak dikatakan FIRST SCHEDULE.

"(Section 2) 1. Pengerusi". Tidak dikatakan Chairman. "Gaji". Tidak dikatakan salary.

"2. Ahli-Ahli". Tidak dikatakan Members.

Macam mana pula ini? (*Ketawa*) Jadi itulah saya hairan! Bukan maknanya pihak Kementerian tidak boleh buat. Ia boleh buat tetapi ia tidak mahu buat, Tuan Yang di-Pertua. Sengaja ia tidak mahu buat. Kemudian yang menjadi ketara lagi sudahlah ia tidak mahu buat, kedua-duanya dilagakan di depan kita, suruh kita tengok. Awak Ahli-ahli Dewan Negara tengoklah kedua-dua yang aku buat ini. Mengikut suka hati sahaja. Ia hendak buat dengan bahasa Inggeris pun boleh, hendak buat dengan Bahasa Malaysia pun boleh. Kalau saya katakan begini barangkali pihak Kementerian marah kepada saya. Tetapi mana logiknya letak perkara ini. Dua pindaan yang seakan-akan sama dibuat berasingan. Ini satu yang tidak betul, sepatutnya dibuat satu sahaja. Kemudian dua naskah yang pinda itu satu dipakai Bahasa Malaysia dan satu dibuat dalam bahasa Inggeris.

Jadi saya harap perkara-perkara yang semacam itu tidak usahlah berulang lagi kerana ini nanti diketawakan oleh orang kerana perkara undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara, Dewan Rakyat atau Parlimen iaitu badan perundangan yang tertinggi di dalam negara kita.

Bagaimanapun, oleh kerana di dalam kedua-dua akta ini meminda suruhanjaya-suruhanjaya termasuk bahagian kehakiman, saya juga hendak sentuh sedikit sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Tan Sri Razak tadi. Saya sendiri hairan di dalam bahagian Kehakiman ini, memang diberi ingat kepada kita ahli-ahli Dewan tidak boleh menyentuh hal kehakiman. Tetapi tidak boleh menyentuh tentang mana? Saya pun tidak tahulah. Kalau gaji dan taraf kedudukan mereka dibawa ke Parlimen suruh kita bahas jadi yang tidak boleh sentuh ini hak yang mana? Kehakiman yang macam mana yang kita tidak boleh sentuh. Saya tidak faham. Sekarang ini keganjilan di dalam bidang

kehakiman ini dua perkara, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tanya Kementerian nanti dijawabnya itu mengikut Perlembagaan.

Begitu juga soal mahkamah. Namanya daripada masa penjajah lagi, misalnya Mahkamah Tinggi Malaya; sekarang ada Mahkamah Tinggi Borneo dan ada Mahkamah Tinggi Malaya; di Trengganu, Mahkamah Tinggi Malaya, Trengganu; Mahkamah Tinggi Malaya, Kelantan; Mahkamah Tinggi Malaya, Johor. Padahal kita sudah tidak guna lagi perkataan "Malaya" ini. Malaya ini semasa belum ada Malaysia, sekarang sudah ada Malaysia. Begitu juga digunakan perkataan "Borneo" lagi. Borneo ini di mana? Orang putih yang menjajah negara kita ini sudah gulung tikar bantal, sudah pergi tidak ada lagi Borneo-borneo ini. (*Ketawa*) Sedangkan dalam Undang-undang dan Perlembagaan kita masih lagi menggunakan perkataan "Borneo". Menggunakan perkataan "Borneo" itu pun tidak betul kerana di dalam sejarah mengatakan Borneo itu terbit daripada perkataan "Brunei". Orang putih oleh sebab pelat dia tidak boleh sebut Brunei dia sebut Borneo. Sama juga dia datang ke Malaysia dia naik di Pulau Pinang dia tidak boleh sebut Pulau Pinang dia sebut Penang, orang kita yang terikut-ikut style Inggeris ini ikut juga pening-pening! (*Ketawa*) Dia hendak sebut Nibong Tebal disebut Nobong Table, Kelang disebut Klang. Jadi perkara ini patutlah disentuh kerana ini dianggap tidak betul, kerana ini sudah ketinggalan masa. Perkara yang sudah ketinggalan masa wajib diubah. Kalau Mahkamah Tinggi, pakai Mahkamah Tinggi, sudah. Mahkamah Tinggi Malaysia untuk Sabah, untuk Sarawak, untuk Terengganu dan untuk Kelantan. Mahkamah Persekutuan itu betullah untuk Persekutuan yang tinggi lagi daripada mahkamah itu. Jadi tidak adalah lagi perkataan "Malaya". Itulah dua perkara yang saya nampak di sini. Walau macam manapun Rang Undang-undang ini memanglah saya sokong kerana untuk menaikkan Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya itu kepada taraf yang tinggi. Saya adalah menyokong dengan sepenuhnya.

Tetapi walaupun saya tidak dapat terima macam saya katakan tadi, yang pertama dua undang-undang ini dibuat dengan cara

berasingan padahal yang sepatutnya dibuat satu sahaja. Itu saya tidak dapat terima mengikut pengetahuan senja yang cetek ini.

Yang kedua, kedua-dua Rang Undang-undang ini berasingan pula. Satu dalam bahasa Inggeris dan satu dalam Bahasa Malaysia, ini kepada saya tidak dapat diterima. Jadi saya harap pihak Kementerian boleh mengambil ingatan dan pada masa yang akan datang tidak berlaku perkara semacam ini. Sekian, terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Tuan Abdul Razak.

6.08 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong di atas Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan 1957 dan Akta ini dinamakan Akta Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 1980.

Sebagaimana rakan-rakan saya tadi juga, saya ingin menyentuh sedikit tentang bahasa di dalam Rang Undang-undang ini. Sungguhpun kita berkali-kali, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat diubah akan Rang Undang-undang ini yang kita luluskan setiap masa supaya dapat dialih ataupun diubah suai dari bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia. Tetapi sehingga ke hari ini masih begitu juga sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak tadi dan juga Ahli Berhormat yang baru bercakap tadi. Oleh itu saya berharaplah mengikut Rang Undang-undang untuk meminda Rang Undang-undang meliputi Railway Service Commission, Public Service Commission, Education Service dan sebagainya, tentang elauun-elaun yang telah ditetapkan. Oleh itu di sini saya berharap Tuan Yang di-Pertua, supaya Suruhanjaya-suruhanjaya yang diluluskan atas pindaan ini supaya ahli-ahlinya dapat menjalankan tugasnya dengan baik, adil dan saksama.

Di dalam Suruhanjaya ini juga, dalam masalah jangka panjang, saya rasa telah tiba

masanya dalam pejabat-pejabat, undang-undang terjemahan ini supaya pegawai-pegawai dapat dilebihkan supaya terjemahan pada masa akan datang dapat berjalan dengan lancarnya. Kalau pegawai-pegawai yang telah ada pengalaman tetapi kurang dengan akedemik, saya rasa apa salahnya kalau sudah ada pengalaman supaya mereka ini dapat dinaikkan pangkatnya. Dengan ini saya rasa kita tidaklah hendak berpandukan kepada pegawai-pegawai yang baharu lulus daripada universiti umpamanya dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini pula melantik mereka dan memberikan tugas-tugas tanpa pengalaman yang lebih mendalam. Oleh itu saya rasa orang-orang ini patut diajar lebih dahulu dan orang-orang yang ada pengalaman ini diberi peluang untuk naik pangkat. Sebab saya dapati sekarang ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan yang akan datang Rancangan Malaysia Keempat, banyak rancangan-rancangan Kerajaan yang tergendala di kawasan-kawasan luar bandar umpamanya, kerana pegawai-pegawai yang dipilih oleh Kerajaan kadangkala baharu lepas universiti dihantar terus ke kampung-kampung menjadi Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan sebagainya. Mereka ini belum lagi faham terutamanya tentang selok-belok keadaan orang kampung, kerana kalau dia menjadi Pegawai Daerah terpaksa bercampur-gaul dengan orang-orang kampung yang terdiri daripada berbagai bangsa dan ragam. Oleh itu, kalau pegawai yang baharu lulus universiti tanpa pengalaman mereka ditugaskan di luar bandar ataupun di tempat-tempat yang penting, mereka tidak dapat menjalankan tugas. Saya rasa itulah sebab-sebabnya kadangkala satu-satu rancangan itu tergendala.

Begitu juga tentang Pegawai-pegawai Daerah ataupun pegawai-pegawai lain dihantar di luar-luar bandar. Mereka ini bukanlah hanya duduk di pejabat sahaja, kadangkala dilantik pula menjadi bermacam-macam pengerusi, Pengerusi Rukun Tetangga umpamanya, Pengerusi KEMAS dan sebagainya, kadangkala pegawai-pegawai yang lain yang telah sedia ada itu lebih berpengalaman, pegawai yang baharu datang itu, dia dijadikan pengerusi. Pengerusi tidak ada

pengalaman, ahli-ahlinya ada pengalaman. Kadangkala orang-orang yang hendak naik pangkat, sebagai manusia, apabila dia sudah frust, dia faham tentang itu, pegawai yang berkenaan tidak datang, katanya pergilah dia. Kerajaan sudah lantik dia kononnya dia sudah pandai, buatlah. Itulah sebabnya kadangkala pegawai-pegawai mendiamkan diri dan rancangan-rancangan Kerajaan tergendala. Ini selalu terjadi. Saya rasa perkara-perkara seperti ini memang terjadi terutama di kampung-kampung, mereka ini tidak dapat menghadapi orang-orang kampung khususnya, kadang-kadang orang tua, pak haji, pak lebai dan sebagainya tidak dihormati. Bila tidak dihormati, rancangan-rancangan ini tergendala dan rancangan-rancangan Kerajaan yang diharapkan tidak jadi, yang dapat nama yang tidak baik ialah Kerajaan. Bila pilihanraya dan sebagainya timbullah kata-kata daripada orang kampung, ini tidak buat itu tidak buat. Ini bukan salah Kerajaan. Ini salah pegawai-pegawai yang kita beri mandat untuk mereka bekerja itu.

Di samping itu di dalam Suruhanjaya ini juga kita harap dapat dijalankan dengan baik iaitu tentang pengambilan pekerja-pekerja. Kadangkala kita dengar ada seseorang itu minta kerja sehingga menunggu berbulan-bulan, kadang-kadang bertahun-tahun tidak ada jawapan sama ada dapat ataupun tidak, sama ada dipanggil temuduga ataupun tidak. Ini juga harus Suruhanjaya ini dapat meneliti segala-galanya supaya ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak berucap panjang kerana perkara ini telah ditimbulkan oleh saudara-saudara saya yang lain tadi, dengan ini saya bersama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Sekianlah sahaja, terima kasih.

6.16 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang ini.

Saya hendak mengatakan sedikit sebayak tambahan daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat yang telah bercakap terdahulu daripada ini. Saya sangat umum membaca Rang Undang-undang yang selalu

dikeluarkan di Parlimen ini, barangkali sebab saya bukan seorang ahli undang-undang ataupun seorang yang mempunyai akademik yang mendalam tetapi pada pendapat saya pada masa ke hadapan semua Kementerian yang hendak mengeluarkan undang-undang, sebab semua undang-undang yang dibawa ini adalah muktamat dan paling penting untuk negara kita baik pindaannya ataupun Akta-akta yang baharu ini adalah amat penting dipertahankan seluruh undang-undang yang ada dalam negeri kita ini. Jadi, apabila kita hendak sahkan undang-undang di Dewan Senate ini tempat yang terakhir misalnya tiap-tiap seorang ahli Dewan hanya membacanya dengan sehabis ringkas.

Misalnya, saya beri contoh, menaikkan gaji Suruhanjaya-suruhanjaya yang pertama Pengerusi \$4,210. Kita tidak tahu langsung berapa banyak gaji Pengerusi yang ada sekarang. Jadi bagaimanakah Ahli-ahli Dewan ini dapat tahu gaji muktamat yang sebenar, berapa kenaikan Pengerusi yang sebenarnya—daripada berapa. Biasanya mana-mana penjelasan atas undang-undang mestilah tegas, sekurang-kurangnya kalau pun tidak dibutirkan di dalam undang-undang ini satu salinan ringkas yang teliti boleh difahamkan oleh semua Ahli Dewan ini, semua undang-undang kita yang akan datang, saya rasa patut disematkan dalam undang-undang ini, itu satu. Kenaikan gaji Pengerusi daripada \$2,000 kepada \$3,200 misalnya; Timbalan Pengerusi daripada \$1,500 naik kepada \$2,500 kemudian Ahli-ahlinya. Ini satu contoh.

Yang kedua, saya pun tidak faham sampai berapa banyak Ahli tiap-tiap Suruhanjaya ini, sebab dalam negara kita, sebagai Ahli Dewan patut tahu, sebagai pengetahuan civic semua penuntut-penuntut dalam Malaysia ini baik menengah ataupun tertinggi patut tahu berapa ramainya 4 buah Suruhanjaya ini, katalah Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, berapa orang. Saya sendiri sebagai Ahli Dewan tidak tahu, barangkali Tuan Yang di-Pertua tahu. Tetapi tidak diterangkan sepatutnya kita dapat difahamkan dalam perkara ini, sebab perkara ini adalah logik sebagai manusia, memperkatakan sesuatu mestilah dengan terang dan jelas.

Sekarang katalah saya menyokong elau dinaikkan jadi \$4,000. Saya tidak tahu daripada berapa banyak yang sudah dia dapat. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil ingatan demi kebaikan undang-undang negara kita ini, pada masa akan datang kita tidaklah tiru sebagaimana negara-negara barat. Negara-negara barat selalunya membuat ringkas, semuanya hendak ringkas, kononnya mereka faham semua undang-undang. Sebenarnya Tuhan sahaja yang maha berkuasa yang meliputi semua, manusia tidak sampai ke mana sangat. Jadi saya harap mendapat pandangan bukan sahaja dalam Suruhanjaya ini tetapi dalam apa juga undang-undang yang akan datang. Semua yang hendak kita luluskan dalam Senate ini bagilah satu pengetahuan yang sebenar-benarnya kita dapat faham. Kita memperkatakan kepada siapa adalah benar kita faham.

Sebenarnya saya sendiri tak faham, berapa banyak suruhanjaya saya tak faham. Kalau orang tanya saya, Yang Berhormat sudah passkan ini dalam Senate berkenaan Suruhanjaya Keretapi, misalnya keretapi banyak, berapa orang Ahli Suruhanjaya Keretapi kita itu?. Saya pun mengangkat tangan, memang saya tak faham. Begitu juga gaji, naik kepada \$4,210, dahulu berapa? Misalnya Ahli Dewan kita ini dahulu \$1,000 dan sekarang \$2,000 kita fahamlah. Dia ini 100%kah, 200%kah naik kita pun tak faham. Rasa saya undang-undang memberi faham adalah baik, selari Undang-undang dalam dunia ini ialah membetulkan kebaikan dalam dunia, memberi faham kepada manusia mengikut jalan yang betul, itulah undang-undang. Kalau manusia umum saya tak faham undang-undang apa, hanya barangkali diketahui oleh Timbalan Menteri, Menteri ataupun orang undang-undang yang khas begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga mengulangi berkenaan bahasa sebab selalu saya sebut bahasa ini jiwa bangsa, hidup bahasa hiduplah bangsa, serupa juga memburukkan bahasa seperti kata sahabat saya tadi, saya bukan memandangi ini satu penghinaan tetapi ini memburukkan bahasa sebab dia memegang undang-undang

sedangkan ini kita sangat malu, negeri kita sudah lama merdeka—Malaysia Merdeka, bahasa kita sudah dirasmikan, makin dia mahu pakai lagi bahasa yang campur aduk macam ini. Inilah yang saya tak faham. Saya harap saya passkan Bil ini seorang diri saya, bagi pihak saya, saya tak tahu sahabat saya. Saya berkehendakkan Menteri berkenaan buat terjemahan Bahasa Malaysia yang sebenar dalam undang-undang ini. Apabila dipasskan ini hendaklah kita passkan dalam Bahasa Malaysia, bahasa ibunda kita yang telah dirasmikan sebagai bahasa negara kita ini. Bahasa Inggeris tidak rasmi sebagai bahasa kita, kalau kita pakai maknanya kita meleburkan bahasa ibunda kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya pun baru berjumpa Setiausaha, mengenai elau yang banyak ini saya tak dapat menyemak secara menyeluruh tetapi pada pendapat saya 2-3 perkara ini pentinglah diambil perhatian supaya kita membetulkan untuk generasi kita akan datang supaya jangan sentiasa teraba-raba.

Lagi satu perkara saya juga tak faham, tiap-tiap seluruh Suruhanjaya dalam negeri kita ini yang sudah kita lantik sekarang, macam Suruhanjaya Keretapi kita, Suruhanjaya Pilihanraya—ada 4 Suruhanjaya, saya tak tahu berapa lama khidmat di tiap-tiap suruhanjaya ini yang diberi mengikut undang-undang atau Perlembagaan kita ataupun mengikut secara aturan biasa sebab tidak disebutkan dalam Bil ini, barangkali 3 tahun seorang itu dilantik, 5 tahunkah atau 10 tahun. Misalnya tadi saya umumkan siapa yang dilantik oleh Suruhanjaya ini, orang-orang politik, orang MCS ataupun orang bagaimana tetapi saya difahamkan orang pentadbiran, itu saya sokonglah. Mestilah orang pentadbiran, orang yang tahu hal ehwal pemerintahan negara, tahu hal ehwal dalam segenap bidang apa yang dicakapkan itu, macam itu saya hendak tahulah tetapi saya tak tahu berapa lama khidmat seorang Pengerusi, Naib Pengerusi atau Timbalan Pengerusi ataupun Ahli-ahli Suruhanjaya ini. Rasa saya adalah bijak bukan kita hendakkan daripada Suruhanjaya itu orang pentadbiran semata-mata tetapi orang yang berpengalaman, ahli negarawan kita dalam negeri ini yang boleh

memberi pandangan, bukan sahaja daripada gedung dua pintu universiti tetapi daripada gedung universiti dunia, hidup dalam dunia yang luas macam-macam yang ditempuhinya itu patut masuk dalam Suruhanjaya tersebut, jadi masuklah di antara itu.

Misalnya menjadikan gulai yang baik masukkanlah kelapa, garam dan asam barulah sedap gulai itu, kalau hanya semata-mata santan sahaja dia boleh menjadikan gulai, dia sahajalah yang bijak, rasanya gulai itu tidak begitu meliputi rasa enak yang sebenar. Begitu juga dalam Suruhanjaya ini dan semua bidang rasa saya pengalaman, pandangan-pandangan yang baik daripada orang-orang negarawan kita selain daripada orang-orang pentadbiran yang kita tidak dapat nafikan mustahak duduk dalam Suruhanjaya itu dan bukan sahaja orang tua-tua sangat, maafkan saya, kita ini pun semua akan tua, saya ini pun tua, tetapi kita ambil orang-orang terkenal, orang muda juga yang baik pengalamannya, yang baik jauh fikirannya seperti duduk di atas gunung yang boleh nampak luas, bukan dia bercakap seperti di bawah bumi yang tidak boleh mengeluarkan pandangan yang jauh—ambil. Pada saya umur tidak penting, yang penting pengalaman dan pandangan mereka yang berjiwa besar dan pandangan yang meluas patutlah diambil dalam segenap tempat Suruhanjaya yang akan dilantik pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tak berguna saya bercakap panjang. Saya hendak menyokong ini dengan harapan saya ulang balik, patutlah masa yang akan datang satu kepilang kenyataan yang menyeluruh, ringkas sebagai pengetahuan kita yang semua memahami dalam satu-satu undang-undang. Yang keduanya, saya minta dengan paling hormat supaya Timbalan Menteri yang dikasihi supaya menjadikan ini Bahasa Kebangsaan yang sudah kita sokong penuh ini supaya dilihat oleh generasi kita dan budak-budak sekolah kita yang memerhatikan hal kita sekarang. Budak-budak kita di sekolah-sekolah, di gendung tinggi ini pun bukannya bodoh, bukan semua sentimen melulu tetapi memerhatikan dengan fikiran sihat apa bapa mereka buat, apa Ahli-ahli Dewan sudah buat

mengenai bahasa ibundanya sendiri. Jadi saya mahu Menteri yang berkenaan ini membuat Bahasa Malaysia, tak usahlah dicampur-adukkan bahasa-bahasa lain, kalau sebenarnya tak ada Bahasa Malaysia pun bolehlah pakai sebab Bahasa Inggeris juga tidak meliputi dalam dunia. Mengikut sejarah bahasa dalam dunia tidak ada satu bahasa yang mengagungkan semua bahasanya complete—tidak ada, semuanya pinjam campur belaka, oleh sebab itu orang-orang tidak boleh mendewakan bahasa bahasa dia sahajalah bahasa yang meliputi.

Sekianlah Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengulangi dengan kuat haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri terjemahkan bahasa ini dan mengambil ingatan apa-apa syor saya demi kebaikan undang-undang negara, demi kebaikan memandang jauh 100 tahun atau 1,000 tahun akan datang undang-undang yang hendak kita pakai dalam negara kita ini.

6.26 *ptg.*

Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) mengenai dengan elaun dan gaji Pengerusi-pengerusi Pilihan raya ini saya rasa kita patut berbalik sedikit mengenai dengan usul asal tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini.

Sebelum kita mencapai kemerdekaan, satu badan ini ditubuhkan untuk mengawasi dan mengelola berkenaan dengan mengambil (rekrut) pekerja-pekerja terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan mereka inilah juga berkuasa memberhentikan mana-mana pegawai Kerajaan yang didapati tidak melakukan atau tidak menunaikan tanggungjawab sebagaimana mereka yang telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Saya kira Kerajaan pada masa ini mendapati bahawa gaji-gaji atau imbuhan yang diberi kepada Public Services Commission ini barangkali tidak mencukupi, oleh itulah satu Rang Undang-undang telah dibawa untuk meminda elaun dan gaji-gaji ini untuk membolehkan badan ini berjalan dengan lebih lancar atau Services Commission ini menunaikan tanggungjawab sebagai

sebuah suruhanjaya (commission) yang bertanggungjawab mengenai kelicinan perjalanannya ataupun urusan-urusan Kerajaan. Jadi saya rasa eloklah sangat perkara ini ditimbangkan dan diluluskan dengan tujuan supaya dengan kenaikan elaun ini akan menjadi setiap anggota yang menjadi anggota Public Services Commission, Railway Service Commission dan juga Education Service Commission akan bertambah menjadi satu badan yang boleh diharap bagi menunaikan tanggungjawab mereka seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan bahawa badan inilah yang mempunyai tanggungjawab memberi kelincinan dan efficiency kepada pegawai-pegawai yang dilantik menerusi suruhanjaya ini.

Pada pendapat umum keanggotaan Suruhanjaya-suruhanjaya ini pada masa sekarang boleh dikatakan dilantik daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan agaknya paling sedikit daripada anggota-anggota di dalam swasta. Oleh itu pandangan jawatan.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung perbincangan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 7hb Januari, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.